

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 18 - 24 APRIL 2024

www.selangorkini.my

Waspada individu pecah belah umat

DYMM Sultan Selangor bertitah masyarakat Islam perlu bijak menilai supaya tidak terpengaruh dengan pihak tertentu yang gunakan kedudukan, populariti untuk raih sokongan demi agenda tersembunyi

MUKA 2

Karnival Rumpun Selangor di Hulu Langat 24 April

DYTM Raja Muda Selangor dijadual berangkat ke program tiga hari untuk beramah mesra dengan segenap lapisan rakyat melalui pelbagai acara kebudayaan, sukan di lokasi tumpuan ramai

MUKA 2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menghulur duit raya kepada kanak-kanak ketika jamuan Aidifitri di Kampung Pasir Kerling, Hulu Selangor pada 14 April 2024. Foto NAZIR KHAIRI ▶ BERITA MUKA 4

pancawarna

Hiba Syawal di sebalik tirai besi

Banduan insaf hadapi hukuman, perbanyak ibadah dan doa



9-11

Gelandangan ceria sambut lebaran

Suasana meriah di Anjung Kembara untuk insan terpinggir



14

Filem, drama tema raya masih lesu

Pengarah sohor Aziz M Osman ajak pengkarya berfikir luar kotak



16

Jangan terpedaya fitnah pembangkang

HULU SELANGOR - Pengundi Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Baharu dinasihati supaya tidak mudah mempercayai fitnah dan propaganda buruk pembangkang menjelang pilihan raya kecil (PRK) di situ.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya pelbagai tohmahan dan fitnah akan dimainkan pihak lawan sebaliknya menyeru orang ramai meneliti maklumat sebenar.

"Lihat data dan angka, jangan (sampai) termakan permainan serta propaganda buruk. Kalau salah, saya sedia minta maaf dan mengakuinya tetapi bukan fitnah," katanya pada 14 April.

Menyeru segenap lapisan masyarakat agar membuat penilaian secara rasional, beliau menegaskan tiada negara atau mana-mana kaum boleh dibangunkan atas perbuatan fitnah dan penipuan.

Kisah empayar Utsmaniah laris

SHAH ALAM - Buku agama termasuk naskhah mutakhir Detik-Detik Akhir Empayar Utsmaniah mengungguli carta 10 buku terjemahan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) terlaris sepanjang Mac.

Naskhah lain yang menjadi pilihan ialah Apa Itu Tasawuf?, Salahuddin Al-Ayubi Raja Penakluk, Memelihara Jiwa: Petua Daripada Tabib Kurun ke-9 dan Penyucian Kalbu: Tanda Penyakit Hati.

Tiga karya Imam Al-Ghazali turut berada dalam kedudukan 10 teratas iaitu Ramuan Kebahagiaan, Menghidupkan Ilmu Agama Jilid 1: Kitab Ilmu dan Penyelamat Daripada Kesesatan.

Buku Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal tulisan asal Martin Lings yang meraih pelbagai anugerah antarabangsa pula terus menjadi pilihan ramai sejak tahun lalu.

IBDE yang menerima geran Kerajaan Negeri giat menerbitkan buku terjemahan pelbagai genre meliputi sejarah, falsafah dan agama, dengan sesetengah naskhah asal berusia ribuan tahun.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Titah pemimpin satu padukan rakyat

PETALING JAYA - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyeru pemimpin politik supaya menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Baginda mengingatkan mereka supaya tidak mengeruhkan keadaan termasuk membangkitkan isu yang membawa perpecahan sebaliknya memikirkan pendekatan terbaik untuk menyatupadukan masyarakat.

"Seperti mengambil pendekatan menggunakan platform media sosial bagi membentuk rasa hormat meng-

hormati dan persefahaman antara satu sama lain demi menjamin keharmonian," titah Baginda lagi.

Sultan Sharafuddin bertitah perpaduan dalam kalangan rakyat perlu dipertahan dan dipertingkatkan berikutan Selangor terdiri daripada rakyat berbilang kaum dan agama demi mencapai kemajuan.

"Jauhkan sikap berprasangka buruk antara satu dengan lain dan hendaklah kita sentiasa suburkan sikap toleransi demi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat di negeri ini.

"Negara yang rakyatnya tidak bersatu padu dan berpecah belah, tidak akan dapat mencapai kemajuan dan kejayaan yang diharapkan," titah Baginda lagi.

Sultan Selangor juga berbangga dan terharu melihat perpaduan, kerjasama dan sifat tolong-menolong antara satu sama lain yang dipamer orang Melayu Islam di negeri ini sepanjang Ramadan.

"Beta berharap orang-orang Melayu akan terus mengambil jalan perpaduan dan memperkukuh keharmonian demi menunjukkan kekuatan bangsa dan ummah," titah Baginda.

Rakyat perlu bijak menilai

Waspada individu pecah belah umat

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bimbang berikutan ramai individu yang mengaku sebagai agamawan dan ilmunan cuba mempengaruhi rakyat demi memenuhi agenda peribadi.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah mereka menggunakan agama, kedudukan dan populariti untuk meraih sokongan masyarakat dan sanggup melihat umat Islam di negara ini berpecah belah.

"Akhir-akhir ini, ramai yang men-

gaku diri mereka sebagai agamawan atau ilmunan dan telah cuba mempengaruhi rakyat dengan menyampaikan pendapat dan hujah-hujah mengenai isu-isu agama.



"Sebaliknya (mereka) mempunyai agenda peribadi yang tersembunyi bak kata pepatah Melayu 'ada udang di sebalik batu' dalam setiap tindakan yang dibuat.

"Beta suka menasihatkan kepada seluruh umat Islam supaya sentiasa berwaspada dan bijak dalam menilai siapa yang sebenarnya ulama sejati dan siapa yang hanya memper-

gunakan agama untuk kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu," titah Baginda.

Sultan Selangor juga berdoa agar orang Melayu Islam dijauhi sifat dan sikap yang tidak baik dan dilarang Islam seperti menipu, mengadu domba, memfitnah dan mencaci.

"Beta tidak mahu sikap-sikap buruk ini terus berleluasa khususnya di media sosial," titah Baginda ketika menyempurnakan perasmian Masjid Damansara Perdana di sini pada 5 April.

TEKS PENUH DALAM EDISI 25 APRIL -3 MEI

Sultan rasmi masjid Damansara

PETALING JAYA - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan upacara perasmian Masjid Damansara Perdana di sini.

Masjid menelan kos RM15 juta berkenaan yang dibiayai sepenuhnya MK Land Holdings Berhad dan dibina di kawasan seluas dua ekar serta

menampung sehingga 3,200 jemaah.

Turut berangkat dalam majlis pada 5 April, DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah. Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari hadir sama.

Sultan Sharafuddin turut menyampaikan duit raya kepada 172 anak ya-

tim sekitar sini. Seramai 5,183 asnaf, fakir miskin dan mualaf di Selangor menerima sumbangan raya keseluruhan RM2.6 juta.

Sultan Selangor, Tengku Permaisuri dan Raja Muda juga berkenan berbuka puasa, bersolat maghrib dan isyak serta solat sunat tarawih berjemaah di masjid berkenaan bersama rakyat.

Meriahkan karnival Rumpun Selangor

SHAH ALAM - Orang ramai dijemput memeriahkan program Gagasan Rumpun Selangor peringkat daerah Hulu Langat pada 24 hingga 26 April.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat menghadiri program tersebut sepanjang tiga hari.

Lokasi yang bakal dilawati Baginda untuk bertemu rakyat antaranya Warung

Roti Canai Teras Jernang, Kajang Wall Mural, Medan Sate Kajang, Bangi Square 2, Pasar Malam Downtown Jalan Reko, Laman Medan Selera Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Masjid Al-Ubudiah, Kampung Tasek Tambahan, Ampang.

Pelbagai program menarik disediakan termasuk klinik bola sepak bersama Selangor FC, sesi walkabout bersama pemain Selangor FC, persembahan silat, tarian, ke-

budayaan, pemuzik jalanan, rewang dan santapan kenduri.

Tengku Amir Shah turut melawat Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat, Pusat Permata Pintar, Rumah Pengasih Warga Prihatin di Sungai Ramal, Kilang Pemprosesan Sate Kajang Haji Samuri, Denai Sungai Langat, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Muda dan Empangan Semenyih.



MESRA... Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersalaman dengan rakyat selepas solat Aidilfitri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 10 April. Turut sama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah. Foto HAFIZ OTHMAN

Langkah tepat elak mudarat rakyat

Batal PJD Link ambil kira bantahan

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Keputusan jemaah menteri membatalkan pembinaan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) langkah tepat dengan mengambil kira isu dibangkitkan penduduk.

Dato' Menteri Besar berkata penadbirannya pada 31 Julai tahun lepas membuat keputusan tidak meneruskan cadangan itu selepas pihak berkaitan gagal menyelesaikan isu dibangkitkan sepenuhnya.

"Cadangan pembinaan PJD Link di-

luluskan oleh kerajaan sebelum ini kerana bidang kuasa lebuhraya adalah di bawah Kerajaan Persekutuan.

"Peranan Kerajaan Negeri hanya melibatkan pengambilan tanah serta piawaian dan impak alam sekitar.

"Kerajaan Negeri mengambil maklum keputusan jemaah menteri yang datang tepat pada masanya kerana perkara ini telah dijadualkan untuk diputuskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Selangor," kata Dato' Seri Amirudin Shari menerusi kenyataan pada 17 April.

Jemaah menteri memutuskan projek pembinaan PJD Link tidak diteruskan

selepas pemajunya, PJD Link (M) Sdn Bhd gagal memenuhi sejumlah syarat yang diperlukan.

Pada Julai tahun lepas, Amirudin menegaskan prinsip pentadbiran Selangor adalah pembangunan yang mampu mencapai keseimbangan antara kemampanan, kemajuan ekonomi serta tidak memudaratkan rakyat.

Projek tersebut melibatkan cadangan pembinaan lebuhraya berkembar dua lorong sepanjang 25.4 kilometer yang bermula selepas plaza tol NKVE di Lebuhraya SPRINT, Damansara dan berakhir di Lebuhraya Bukit Jalil.

Syarikat konsesi gagal patuh syarat

SHAH ALAM - Jemaah Menteri memutuskan projek pembinaan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link Expressway) tidak akan diteruskan selepas pemajunya PJD Link (M) Sdn Bhd (PJD Link), tidak memenuhi sejumlah syarat yang diperlukan.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata keputusan itu sekali gus menyaksikan tiada pelanjutan masa selepas syarat-syarat yang ditetapkan gagal dipenuhi pemegang konsesi projek tersebut.

"Jemaah Menteri hari ini membuat keputusan tidak akan melanjutkan

perbincangan dengan pihak PJD Link. Pihak PJD Link telah memohon pelanjutan untuk memenuhi sejumlah syarat yang diperlukan tetapi telah ditolak pihak kerajaan, dan keputusannya adalah tidak diteruskan.

"Akibat daripada itu maka projek tersebut tidak diteruskan," katanya seperti dilapor Bernama pada 17 April.

PJD Link adalah pemegang konsesi bagi cadangan PJD Link Expressway iaitu lebuhraya berkembar dua lorong sepanjang 25.4 kilometer yang bermula selepas plaza tol NKVE di Lebuhraya SPRINT, Damansara dan

berakhir di persimpangan Lebuhraya Bukit Jalil.

Pelaksanaan projek itu untuk menangani kesesakan lalu lintas dan menampung pertumbuhan kenderaan masa depan di Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

PJD Link memeterai perjanjian konsesi dengan Kerajaan Malaysia pada 5 April 2022.

Fahmi yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata Kementerian Kerja Raya akan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu dalam masa terdekat.

Temui komuniti Malaysia di Munich

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar meluangkan masa bertemu dan bertukar pandangan bersama rakyat Malaysia dalam sesi lawatan kerja rasminya di Jerman bermula pada 19 April.

Menerusi pertemuan lebih dua jam itu, Dato' Seri Amirudin Shari beramah mesra dengan komuniti perniagaan dan mahasiswa khususnya anak Selangor yang melanjutkan pelajaran di Munich.

"Sudah menjadi lumrah dan kemestian apabila saya ke luar negara untuk lawatan kerja rasmi akan bertemu warga dan komuniti rakyat Malaysia khususnya anak Selangor di luar negara.

"Menerusi pertemuan ini, ia memberi ruang kepada kami berbincang dan bertukar-tukar pendapat serta mendengar pandangan mereka di Munich," kongsiannya di Facebook.

Insentif pendidikan hingga 30 April

SHAH ALAM - Permohonan Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) untuk anak Selangor dilanjut sehingga hujung bulan ini.

Pejabat Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Selangor memaklumkan pemohon perlu melengkapkan dokumen sebelum tarikh akhir bagi mengelak kesesakan trafik dalam portal.

"Permohonan HPIPT akan dilanjutkan sehingga 30 April 2024. Mohon untuk lengkapkan dan hantarkan permohonan anda sebelum tarikh akhir permohonan," katanya menerusi Facebook pada 18 April.

Program HPIPT menawarkan insentif wang tunai RM1,000 itu terhad kepada 3,000 individu. Permohonan boleh diisi menerusi pautan edanapendidikan.selangor.gov.my

Pendaftaran ADN Muda hingga 3 Mei

SHAH ALAM - Pejabat Speaker dan Dewan Negeri Selangor (DNS) bakal menganjurkan Program Ahli Dewan Negeri (ADN) Muda Selangor 2024 pada 27 dan 28 Mei.

Speaker Lau Weng San berkata program itu memberi peluang kepada belia untuk menimba pengalaman sebagai wakil rakyat dan membolehkan mereka membahaskan usul seperti sidang DNS.

Beliau berkata program bersama Persatuan Pendemokrasian Sosial (SocDem Malaysia) dan Ahli Parlimen Belia Selangor itu juga mendidik peserta memahami proses penggubalan undang-undang peringkat negeri.

Weng San berkata permohonan sehingga 3 Mei dan pautan borang di Instagram, Facebook ADN Muda Selangor atau laman sesawang dewan.selangor.gov.my

Umum calon PRK sebelum penamaan

HULU SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu bakal diumumkan beberapa hari sebelum proses penamaan calon pada 27 April.

Pengerusi HARAPAN negeri Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan nama calon diputuskan pimpinan pusat gabungan tersebut berdasarkan senarai yang dikemukakan DAP.

"(Pengumuman) mungkin dalam tempoh tiga atau empat hari sebelum 27 April. Kita sedang tunggu pengesahan pusat untuk tetapan calon dan saya rasa DAP telah cadang beberapa nama," katanya pada 14 April.

Amirudin turut bertemu pemimpin setempat dalam program ziarah raya sekitar DUN itu bermula di Kampung Pasir Kering bagi memastikan jentera bersiap siaga menghadapi pilihan raya kecil (PRK) pada 11 Mei.

"Kita faham situasi PRK (jadi saya) bertemu rakan-rakan dan jentera yang (saya) rasa perlu untuk diberi taklimat dan penjelasan (gerak kerja).

"Kita di landasan betul untuk mengekalkan Kuala Kubu Bharu dalam PRK akan datang."

Sze Han pengarah jentera HARAPAN

SHAH ALAM - Setiausaha DAP Selangor Ng Sze Han dilantik sebagai Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan (HARAPAN) pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu.

Setiausaha HARAPAN negeri Dr Mohd Khairudin Othman menjelaskan pelantikan berkenaan dibuat dalam mesyuarat bersama kepimpinan HARAPAN Selangor pada 7 April.

Beliau menambah Sze Han yang juga EXCO Negeri bakal dibantu Ahli Parlimen Puchong Yeo Bee Yin dan Ahli Parlimen Shah Alam Azli Yusof bagi mendepani cabaran PRK yang berlangsung pada 11 Mei.

"Pasukan ini akan menubuhkan beberapa jawatankuasa utama dan telah sedia untuk bergerak secara rasmi bermula dari hari penamaan calon sehingga tiba hari mengundi," katanya lagi.

Khairudin berkata pasukan tersebut akan menyelaras gerak kerja dan kempen termasuk persiapan dan menyelaras tugas kempen bersama HARAPAN pusat dan semua parti dalam Kerajaan Perpaduan.

Jualan murah manfaat dua juta orang

HULU SELANGOR - Jualan Ehsan Rahmah (JER) memberi manfaat kepada lebih dua juta penduduk negeri sejak program tersebut diperkenal dua tahun lalu, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu program jualan barangan keperluan asas pada harga murah kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu membantu lebih 700,000 keluarga.

"Kita dalam proses memulihkan ekonomi negara secara perlahan. Realitinya, kerajaan membantu memastikan barangan keperluan seperti ayam, harganya terkawal khususnya

menjelang perayaan.

"Mungkin ada sedikit laporan (kenaikan harga) tetapi kerajaan dapat pastikan bekalan minyak, ayam, telur dan lain-lain tidak terputus seperti ketika pandemik Covid-19.

"Kerajaan tidak sempurna tetapi setidaknya-tidaknya utamakan mana yang penting," katanya dalam jamuan Aidilfitri di balai raya Taman Seri Batang Kali di sini pada 14 April.

JER menawarkan ayam RM10 se-ekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM13).

Semua nikmati pembangunan negeri

Kekal amalan bersih, prihatin rakyat

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

HULU SELANGOR - Kerajaan Negeri berazam untuk meneruskan kesinambungan amalan pentadbiran bersih bagi menjamin kesejahteraan segenap lapisan rakyat di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata tekad itu dipegang seluruh pimpinan dalam pentadbirannya demi memastikan tiada yang tercicir dalam pembangunan pesat Selangor.

Menjelaskan program pembangunan rancak dijalankan bagi membangunkan negeri ini, beliau mengingatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan permainan politik pihak tertentu.

"Jangan termakan permainan setengah pihak. Kita kena hati-hati sebab tidak lama lagi kempen pilihan raya. Masa kempen, kalau dengar cecoramah kadang-kadang boleh ter naik semangat kita.

"Sampai hilang pertimbangan lalu timbul kemarahan yang tidak wajar,

boleh hentikan (rencat) pembangunan," katanya di Kampung Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu (KKB) di sini pada 14 April.

Amirudin juga menambah pimpinan Kerajaan Negeri sentiasa konsisten untuk meneruskan segala agenda pembangunan yang giat dijalankan atau masih dalam perancangan.

"Salah satunya adalah di KKB, (sebab itu) kita mahu KKB kekal setia dengan Kerajaan Perpaduan untuk kestabilan dan kemakmuran negeri dan negara," kata beliau lagi.

40 skim kebajikan untuk B40

AMPANG JAYA - Pelaksanaan lebih 40 skim bantuan melalui Iltizam Selangor Penyayang (ISP) menjadikan negeri ini antara tertinggi miliki program kebajikan rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan inisiatif itu mencakupi semua aspek termasuk pendidikan, kesihatan serta ekonomi bertujuan merapatkan jurang dalam masyarakat.

"Semua dengan harapan negeri mampu isi kekosongan atau kerengangan dalam masyarakat. Ini juga

seiring hasrat pentadbiran yang mahu wujudkan negeri penuh rahmah dan kasih sayang.

"Kita beri tumpuan kepada golongan yang betul-betul memerlukan supaya semua dana sampai kepada mereka. Kita tingkatkan nilai bantuan tersebut," katanya pada 6 April.

Beliau memberi contoh Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 sebulan manakala Jom Shopping daripada RM100 kepada RM200.

Sejak peralihan tampuk pemerin-

tahan pada 2008, Kerajaan Selangor menyediakan tujuh program kebajikan bertema Merakyatkan Ekonomi Negeri.

Skim tersebut bertambah kepada 43 insentif menerusi Inisiatif Peduli Rakyat pada 2017 sebelum penyelarasan dibuat menjadikan 33 bantuan disediakan pada 2019.

Sehingga kini, Selangor memiliki 46 pelan kebajikan kepada rakyat menerusi ISP membabitkan peruntukan lebih RM600 juta setahun, malah semua skim itu ditambah baik dari masa ke semasa.

WAKTU SOLAT	18 - 24 APRIL 2024 9 - 15 SYAWAL 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Khamis	5:48	5:58	7:06	1:15	4:28	7:21	8:31	5:49	5:59	7:07	1:16	4:29	7:21	8:31	5:50	6:00	7:07	1:18	4:30	7:23	8:33	
19 Jumaat	5:47	5:57	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:16	4:29	7:20	8:31	5:50	6:00	7:07	1:17	4:30	7:23	8:33	
20 Sabtu	5:47	5:57	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:15	4:29	7:20	8:31	5:49	5:59	7:06	1:17	4:30	7:23	8:33	
21 Ahad	5:47	5:57	7:05	1:15	4:29	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:15	4:30	7:20	8:31	5:49	5:59	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33	
22 Isnin	5:46	5:56	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	5:47	5:57	7:06	1:15	4:30	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33	
23 Selasa	5:46	5:56	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:15	4:30	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:17	4:31	7:22	8:33	
24 Rabu	5:46	5:56	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:15	4:30	7:20	8:31	5:48	5:58	7:05	1:16	4:32	7:22	8:33	



Ikhlas Kasih Ramadhan KSSB 2024

Lebaran bermakna untuk semua

SHAH ALAM - Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) meneruskan tradisi membantu meringankan bebanan rakyat negeri ini dengan menyantuni golongan asnaf seperti fakir dan miskin, Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga warga emas.

Menerusi program Ikhlas Kasih Ramadhan, KSSB memfokuskan kepada bantuan persediaan menyambut bulan Ramadhan dan Syawal.

Sebanyak 330 buah keluarga telah menerima manfaat daripada program itu melibatkan Kampung Harmoni, Kampung Ijok, Kampung Jaya Setia, Kampung Bukit Badong, Kampung Rantau Panjang, Kampung Bestari Jaya, Kampung Makmur, Kampung Asahan, Pekan Bestari Jaya dalam daerah Kuala Selangor serta Kampung Olak Lempit dan Kampung Bukit Changgang di Kuala Langat.

Kali ini, program Ikhlas Kasih Ramadhan 2024 turut melibatkan beberapa buah kampung di daerah Rembau, Negeri Sembilan yang berhampiran dengan kilang operasi Darul Khusus Venture Sdn. Bhd. iaitu syarikat milikan KSSB seperti Kampung Batang Nyamor, Kampung Mungkal, Kampung Jeram, Kampung Seberang Paya dan Kampung Tanjong.

Pelaksanaan Program Ikhlas Kasih Ramadhan KSSB 2024 ini merupakan hasil usaha kerjasama di antara Jabatan Komunikasi Korporat KSSB dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) mendekati golongan yang memerlukan.

KSSB antara syarikat milikan Kerajaan Negeri yang menyambut baik seruan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari khususnya dalam



pelaksanaan aktiviti-aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan dengan melibatkan komuniti setempat.

Sumbangan yang disalurkan terdiri daripada barangan asas dapur seperti beras, minyak masak, gula, tepung, bihun, biskut dan sejumlah wang tunai.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat KSSB, Suhaimi Khalidi menerusi satu kenyataannya baru-baru ini berkata, sejak kali pertama program itu dilaksanakan, KSSB memberi tumpuan kepada penduduk kampung daripada golongan asnaf dan kurang berkemampuan serta individu yang menghidap penyakit kronik dan tidak lagi mampu bekerja bagi menyara ahli keluarga.

"Usaha ini mencerminkan



komitmen KSSB dan anak-anak syarikatnya untuk membantu komuniti setempat khususnya bagi

mereka yang tinggal berdekatan dengan kawasan pengoperasian kami," katanya.

Hulur sumbangan peribadi

AMPANG JAYA - Tindakan lelaki menjual kereta miliknya demi membiayai kos rawatan bapanya yang sakit jantung mendapat perhatian Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Bersimpati atas nasib yang menimpa keluarga itu, beliau menghulur sumbangan peribadi selain menziarahi Arifin Fadli, 61, di Flat Taman Al-Ridhuan dekat sini pada 6 April.

Arie Yudistira Ishaq, 35, mengakui beliau terpaksa menjual kereta Perodua Alza miliknya demi memastikan bapanya menjalani pembedahan jantung pada kadar segera.

"Itu sahaja jalan mudah dapatkan duit segera. Kalau hospital beri tarikh pembedahan, kami kena sediakan kos. Kami mahu pembedahan segera kerana risiko tinggi jika saluran pecah," katanya.

Jualan mega rekod transaksi RM50,000

SHAH ALAM - Jualan Mega Ehsan Aidilfitri kendalian Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah) yang memafaatkan lebih 3,000 pengunjung baru-baru ini merekod transaksi RM50,000.

Program itu berlangsung di laman niaga usahawan Kohijrah Seksyen 15, tapak Pasar Ramadan Taman Banting Baru, Kuala Langat, Rumah Selangorku Alam Budi-man dan Wisma Kohijrah di Seksyen 32 dekat sini.

Pengurus Besarnya Kohijrah Mohamad Syukri Ismail berkata program antara 3 hingga 7 April memudahkan orang ramai memperoleh keperluan raya pada harga rendah berbanding pasaran.

"Penganjuran tersebut mencatat nilai transaksi lebih RM50,000 dengan 2,500 ayam habis selain 2,500 kilogram daging, telur 2,500 papan serta 3,000 kampil beras," katanya pada 12 April.

RM185,000 ringan beban ibu tunggal

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) memperuntuk RM185,000 untuk sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada 1,000 ibu tunggal dan asnaf di negeri ini.

Yang Dipertuanya Datin Seri Masdiana Muhamad memberitahu penerima terpilih daripada 52 Dewan Undangan Negeri (DUN) itu menerima duit raya RM150.

"Program ini masih bergerak dan ia dijalankan di setiap 52 DUN dalam Selangor. Sumbangan ini bertujuan meringankan beban mereka dalam menyambut Aidilfitri," katanya.

Selain sumbangan asnaf, program tadarus dan majlis khatam al-Quran antara satu daripada tujuh program yang dijalankan Pekawanis sempena sambutan Ramadan baru-baru ini.

Taja 36 individu tunai haji tahun ini

SHAH ALAM - Buat julung kali, perbelanjaan 36 jemaah haji pada tahun ini dibiayai Kerajaan Selangor sepenuhnya, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu setiap individu menerima tajaan antara RM18,000 hingga RM30,000 seorang menjadikan Selangor satu-satunya negeri yang menawarkan kemudahan sede-

mikian.

"Dalam masa sama, kita kekalkan bantuan antara RM500 ke RM1,000 untuk setiap muassasah. Bezanya tahun ini kita pilih empat muassasah di setiap daerah untuk ditaja.

"Rasanya tak ada lagi negeri yang beri bantuan seperti ini. Kita pilih mereka yang layak. Inilah sedikit sebanyak yang kita laksanakan untuk

bantu rakyat," katanya pada 6 April.

Dalam belanjawan tahun ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM3 juta untuk skim Permohonan Insentif Haji Muassasah, meningkat RM1.5 juta berbanding tahun lalu.

Selain wang tunai, jemaah juga menerima kit syifa mengandungi ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir.

Kaji harga siling beras putih tempatan

Bantu tingkat hasil pesawah

Oleh **SOFIA NASIR**

KUALA SELANGOR - Kerajaan persekutuan perlu mengkaji semula harga siling beras putih tempatan bagi meningkatkan mutu hidup pesawah, kata EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim.

Beliau menjelaskan harga siling yang ditetapkan iaitu RM26 untuk 10 kilogram (kg) beras tempatan tidak pernah dikaji semula sejak 16 tahun lalu.

Menurutnya, harga berkenaan menyebabkan pengilang rugi dan ter-

paksa membeli pada harga rendah, sekali gus memberi kesan terhadap pendapatan pesawah.

"Sudah tiba masanya penyelesaian dibuat. Sebagai contoh, kerajaan boleh naikkan harga beras putih tempatan kepada RM34 untuk 10kg beras atau apungkan harganya.

"Saya wakil rakyat di Sekinchan lima penggal, saya tahu masalah yang dihadapi pesawah. Harga itu tidak relevan," katanya di Kompleks Beras Ber-



nas, Tanjung Karang di sini pada 5 April.

Suee Lim menambah cadangan berkenaan telah pun disampaikan kepada Perdana Menteri serta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui surat rasmi pada awal bulan ini.

Beliau juga berharap harga lantai beras diselaras kepada RM1,600 satu tan berbanding RM1,300 pada masa ini berikutan ia tidak menjamin pendapatan kira-kira 9,000 pesawah di Selangor.

MamaKerja jadi program tahunan

SHAH ALAM - Inisiatif MamaKerja yang menawarkan pemberian tunai RM1,000 kepada sebilangan wanita bekerja bakal dijadikan sebagai program tahunan bagi meringankan beban mereka.

EXCO Pemberdayaan Wanita Anfaal Saari memberitahu perbincangan dengan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari giat dibuat termasuk memperhalusi dasar insentif tersebut.

"Kriterianya akan diperhalusi lagi. Sebagai contoh, ada permintaan daripada suri rumah. Itu kita akan lihat (teliti)," ka-

tanya baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan hampir 4,000 permohonan MamaKerja yang dibuka pada 1 November tahun lalu diluluskan manakala bakinya dibahagi ke setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

Katanya, setiap DUN bakal menerima 20 peruntukan dan wakil pusat khidmat masing-masing akan memilih wanita berkelayakan bagi mengisi permohonan MamaKerja melalui aplikasi Selangkah.

"Selepas permohonan tutup, ada sedikit baki lagi dan kita bahagikan

sama rata kepada setiap DUN, termasuk penyelaras DUN. Setiap DUN akan terima 20 permohonan," katanya.

Inisiatif tersebut dibuka mulai 1 November tahun lalu antara kandungan manifesto Kerajaan Perpaduan yang ditawarkan dalam pilihan raya negeri sekitar Ogos 2023.

Melibatkan peruntukan RM5 juta, skim tersebut memanfaatkan 5,000 wanita bekerja yang memiliki tiga anak berusia bawah 12 tahun dengan pendapatan isi rumah tidak lebih RM8,000.

Susun pelan ansuran pinjaman

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan pelan pemulihan pembiayaan kepada usahawan yang berdepan masalah kewangan.

Peminjam boleh memohon penyusunan semula ansuran bulanan pinjaman di cawangan pejabat Hijrah Selangor berhampiran atau hubungi pegawai kutipan di 12 cawangan untuk maklumat lanjut.

"Kami faham akan masalah anda. Kami bersedia membantu anda dengan tawaran pelan pemulihan pembiayaan bagi menyusun semula jadual pemba-

yan balik anda," menurut Hijrah baru-baru ini.

Usahawan boleh menyemak baki pembiayaan dalam talian menerusi mikrokredit.selangor.gov.my atau rujuk pegawai kutipan di cawangan untuk sebarang bantuan.

Mereka juga boleh membuka pautan ["Bayaran balik ansuran pembiayaan](http://www.hijrahselangor.com/ri-salah-skim-hijrah.../untuk memuat turun risalah pembiayaan Hijrah Selangor sebagai rujukan.</p>
</div>
<div data-bbox=)

anda amat membantu usahawan lain dalam mendapatkan modal pusingan perniagaan mereka," kata kenyataan tersebut.

Sejak ditubuh pada 2015, Hijrah menyediakan bantuan modal kepada orang ramai yang mahu berniaga kecil-kecilan atau mengembangkan perniagaan.

Pembiayaan itu antaranya skim i-Bisnes, skim i-Bermusim, skim Niaga Darul Ehsan (NaDI), skim Go Digital dan skim Zero To Hero.



Borhan membawa Ali XPDC ke Hospital Serdang bagi mendapatkan rawatan segera seurus menyerahkan bantuan kerusi roda di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang pada 18 April. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

EXCO bantu Ali XPDC ke hospital

SEPANG - Vokalis kumpulan rock terkenal XPDC, Ali yang berdepan masalah pernafasan dikejarkan ke Hospital Serdang menggunakan kenderaan rasmi Kerajaan Negeri bagi rawatan segera.

Penyanyi berusia 56 tahun yang turut mengalami lemah jantung dibawa EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah seurus menziarahinya di kediamannya di Bandar Baru Salak Tinggi pada 18 April.

Menurut Borhan, kunjungan asalnya ke rumah penyanyi tersebut untuk menyerahkan kerusi roda dan wang tunai bagi memudahkannya mendapatkan rawatan di hospital atau klinik.

"Saya melihat kesihatan Ali agak menurun dan pernafasannya terganggu sehingga memerlukan rawatan segera.

"Saya mengambil keputusan untuk membawanya terus ke hospital bagi mendapatkan rawatan segera menaiki kenderaan rasmi Kerajaan Negeri," katanya.

Borhan memaklumkan Kerajaan Negeri sentiasa cakna kebajikan anak seni khususnya artis veteran yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

"Kerajaan Negeri juga sentiasa mengikuti perkembangan bagi memastikan nasib artis-artis ini terbela khususnya berkaitan bantuan kewangan," katanya.

Kumpulan WhatsApp jadi rujukan jualan murah

Hantar penumpang dan belanja

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KLANG - Pekerjaan sebagai pemandu e-panggilan dimanfaatkan sebaik-baiknya seorang warga emas untuk singgah ke beberapa lokasi jualan murah di lokasi berbeza pada setiap minggu.

Sambil menyelam minum air, Samsudin Abdul Rahman, 73, tidak akan melepaskan peluang untuk berbelanja jika penganjuran program itu berdekatan dengan lokasi penumpang diturunkan.



Katanya lagi, penyertaan dalam kumpulan WhatsApp memudahkannya mendapat maklumat tepat berkaitan lokasi Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang diadakan di kawasan berbeza setiap hari.

"Saya tinggal di Seksyen 18, Shah Alam. Memang kerap ke jualan ini hingga llok dan Sementa sebab hantar pelanggan. Lagi mudah, pakcik sertai kumpulan WhatsApp JER.

"Senang tahu lokasi penganjuran dekat mana kerana pengurusan (WhatsApp) akan kemas kini lokasi jualan setiap masa," katanya sempena program berkenaan di Meru pada 16 April.

Suri rumah Husna Jaei, 51, dan suaminya Mohd Yusuf Osman pula berbe-

lanja lebih kali ini berikutan musim perayaan Aidilfitri selain masih menerima tetamu beraya.

"Saya dan suami beratur asing-asing jadi boleh beli banyak. Hari ini beli ayam, beras, ikan, telur dan minyak anggaran lebih RM200. Kalau beli di pasar, kos lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, wakil rakyat Meru Mariam Abdul Rashid berkata lebih 5,000 penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri tersebut berbelanja di program berkenaan sejak Jun tahun lalu.

Beliau berkata hampir 20 jualan murah diadakan sepanjang tempoh berkenaan untuk memudahkan penduduk mendapatkan barangan asas pada harga murah selain meringankan kos sara hidup.

"Akan datang kita agih 1,000 beg kitar semula untuk dididik penduduk supaya jaga alam sekitar. Kita tidak mahu mereka gunakan beg plastik kerana beri kesan kepada ekosistem bumi," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

GAMUDA LAND

7% Diskaun* untuk Bumiputera

GAMUDA GARDENS

Miliki Rumah Idaman Anda di Gamuda Gardens

MONARC
Banglo dan Semi-D

Valeria
Teres Superlink dan Semi-D

JOYA
Teres Superlink

Siap dibina

ILLARIA
Teres dan Rumah Bandar

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Sincere Responsible Original

Bandar Baru Development Sdn Bhd
Kementerian Perdagangan & Industri, Putrajaya
40000, Kuala Lumpur

FINANCIAL WORLD PEX OF EXCELLENCE AWARDS
NO.1 THE EDGE
2023

gamuland.com.my
03 6037 2888

Persidangan ulama dunia 7 Mei

SHAH ALAM - Liga Islam Sedunia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menganjurkan Persidangan Ulama Sedunia di Petaling Jaya, Selangor pada 7 dan 8 Mei.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil menjelaskan perkara berkenaan diluluskan selepas jemaah menteri menerima memorandum daripada Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Fahmi berharap persidangan tersebut berupaya mengumpulkan ramai ulama bagi berbincang isu mutakhir termasuk sikap ekstremisme yang berlaku dalam dunia Islam masa kini, lapor Bernama.

Persidangan itu diadakan selepas pertama kali berlangsung pada Julai 2022 di Subang Jaya melibatkan 20 negara yang memberi penekanan kepada konsep keadilan, keharmonian dan penyatuan ummah.

PM jelajah negeri sempena Aidilfitri

SHAH ALAM - Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 bersama Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual diadakan membabitkan tujuh negeri.

Program itu bermula di Johor pada 18 April diikuti Sabah (20 April), Melaka (22 April), Kelantan (2 Mei), Kedah (4 Mei), Pulau Pinang (5 Mei) sebelum berakhir di Terengganu (9 Mei).

Menurut kenyataan sekretariat, penganjuran itu bertujuan memupuk semangat muhibah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat selain merapatkan hubungan pemimpin dengan rakyat, lapor Bernama.

Majlis tersebut juga memberi peluang kepada lebih ramai rakyat untuk merai hari kebesaran umat Islam bersama-sama pemimpin pada peringkat Persekutuan mahupun negeri.

Pasang lampu solar di jalan kampung

SHAH ALAM - Pemasangan lampu diod pemancar cahaya (LED) solar melalui projek Lampu Jalan Kampung dijadual bermula pada tahun ini, kata Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang.

Beliau juga menjelaskan kerja berkenaan bermula pada suku keempat tahun ini sebaik sahaja kementerian menerima maklumat keperluan dan cadangan lokasi pemasangan, lapor Bernama.

Katanya, kemudahan tersebut dipasang di jalan utama di kampung dengan keutamaan kepada laluan bangunan awam termasuk balai raya, rumah ibadat, kawasan tumpuan awam dan persimpangan jalan.

"Pemasangan juga layak untuk kawasan yang tiada bekalan elektrik atau sistem talian grid serta kawasan terpencil," katanya sambil menambah kampung Orang Asli juga dipasang lampu sedemikian.

Kuasai sektor semikonduktor

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin dengan kemampuan rakyat untuk melonjakkan potensi negara dalam pembangunan ekonomi termasuk pelaburan bernilai tinggi.

Beliau yang juga menteri kewangan menegaskan pentadbiran kerajaan pimpinannya komited untuk membina masa depan negara yang baharu, berteknologi tinggi dan berinovasi, lapor Bernama.

"Dengan pelaburan bernilai tinggi

daripada syarikat global, menghasilkan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk lebih ramai rakyat Malaysia.

"Saya berkeyakinan penuh terhadap potensi setiap rakyat dalam prospek cerah untuk ekonomi kita dan masa depan kita bersama sebagai sebuah negara," katanya di Facebook pada 12 April.

Beliau turut berkongsi laporan



video dari laman Facebook Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai potensi Malaysia yang semakin meningkat dalam industri semikonduktor.

Laporan tersebut turut menyebut Malaysia muncul sebagai kuasa semikonduktor baharu selepas Pulau Pinang memperoleh pelaburan langsung asing (FDI) bernilai RM60.9 bilion tahun lalu.

Salur RM5 juta untuk Hulu Selangor

10 projek naik taraf prasarana awam

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

HULU SELANGOR - Peruntukan RM5.21 juta disalurkan bagi menaik taraf lebih 10 projek kemudahan awam sekitar sini demi mempertingkatkan tahap keselamatan dan keselesaan penduduk setempat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming berkata dana itu untuk membaiki medan selera, pasar awam Rasa dan kemudahan di Taman Tasik Millenium selain menurap jalan raya.

Beliau memberitahu peruntukan itu diserahkan kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) serta majlis pengurusan komuniti kampung yang bertanggungjawab untuk menjayakan kerja itu.

Katanya, kementerian turut menyalurkan RM10,000 kepada Persatuan Bomba Sukarelawan di sini bagi meningkatkan kecekapan pasukan tersebut selain dana untuk rumah ibadat bukan Islam.

"Inilah sentuhan kasih yang akan menjana ekonomi setempat dan membawa kemakmuran kepada pen-

uduk di kawasan ini," katanya dalam program Sentuhan Kasih KPKT pada 18 April.

Beliau turut melawat beberapa kawasan antaranya Taman Tasik Milenium, medan selera sekitar Jalan Abdul Hamid, Kampung Assam Kumbang dan program Rumah Madani Rakyat Kampung Air Panas.

Menurut EXCO Pelaburan Ng Sze Han pula yang turut hadir dalam program sama, Hulu Selangor lokasi pembuka tirai bagi menjayakan program berkenaan sebelum diteruskan ke negeri lain.

28,531 calon peroleh 8A UPKK

SHAH ALAM - Seramai 28,531 daripada 230,587 calon Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) 2023 memperoleh keputusan Cemerlang (A) bagi semua lapan mata pelajaran.

Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata 88 peratus calon mencatat lulus keseluruhan manakala pencapaian gred purata skor UPKK keseluruhan pula ialah 1.89 mata.

Beliau berkata gred purata skor bagi mata pelajaran al-Quran adalah sebanyak 1.35 mata, ulum syariah (2.52 mata), sirah (2.31 mata), adab (2.03 mata), jawi dan khat (1.97 mata), lughatul Quran (2.56 mata), penghayatan cara hidup Islam (1.17 mata) serta amali solat (1.17 mata).

"Calon yang mendapat 8A adalah sebanyak 12.37 peratus manakala 7A adalah seramai 18,185 calon atau bersamaan 7.89 peratus diikuti 6A berjumlah

19,606 calon iaitu 8.5 peratus.

"Calon yang mendapat 5A adalah seramai 25,697 orang, 4A (28,422 calon), 3A (48,031 calon), 2A (28,460 calon) dan 1A (22,302 calon)," katanya dalam sidang media sempena pengumuman keputusan itu pada 18 April.

Beliau berkata seramai 22,302 orang tidak mendapat sebarang gred A manakala calon yang mendapat semua D 14 orang.

Separuh rumah mampu milik siap

SHAH ALAM - Separuh daripada sasaran pembinaan rumah mampu milik telah siap atau dalam pembinaan setakat September 2023, kata timbalan menteri perumahan dan kerajaan tempatan.

Datuk Aiman Athirah Sabu menjelaskan bilangan itu meliputi 274,258 daripada sasaran 500,000 unit rumah mampu milik yang ditetapkan bawah Rancangan Malaysia Kedua

Belas (RMK-12).

"Ia menyumbang kepada 54.8 peratus unit rumah yang kita sasar," katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (Kubang Kerian-PN) di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Beliau menambah penyediaan rumah sedemikian dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk kerajaan persekutuan, Kerajaan



Negeri dan pemaju swasta.

Jelasnya, KPKT turut melaksana pelbagai program perumahan antaranya perumahan rakyat, rumah mesra rakyat dan perumahan PR1MA bagi memastikan sasaran dipenuhi.

"KPKT juga melihat peluang kerjasama bagi pembangunan projek baharu melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri atau pemaju swasta dalam penyediaan perumahan mampu milik," katanya.



Terkesima hukuman penjara ditambah

HARI RAYA
Aidilfitri disambut gembira oleh umat Islam di seluruh dunia. Namun, ada yang berduka tidak dapat bersama keluarga tercinta dek terbelenggu oleh tirai besi. Natijah kesalahan lampau menyebabkan terkurung, namun masih dapat merai kemenangan menahan nafsu ketika Ramadan bersama rakan banduan, warden dan pegawai penjara.

Wartawan NAZLI IBRAHIM dan jurugambar AHMAD ZAKKI JILAN menyelami jiwa tiga banduan yang menyambut lebaran dalam kurungan Penjara Kajang pada 2 April.

Hatinya berbunga-bunga, tidak sabar. Selepas tujuh tahun, enam bulan merengkok di Penjara Wanita Kajang, Hani (bukan nama sebenar), 40-an, mengira detik untuk dibebaskan.

Di rumah, suami dan anak-anak sudah tidak sabar menyambut kepulangan Hani ke pangkuan keluarga. Ketuhar dan mesin jahit sudah siap dibeli suami supaya ibu kepada lima anak ini boleh meneruskan minatnya apabila bebas nanti.

Namun harapan wanita asal Pahang itu berkecai. Dunianya menjadi gelap. Lutut lemah dan seakan mahu rebah apabila bekas setiausaha ini diberitahu perlu menjalani lagi 12 tahun hukuman penjara.

Hani menganggap boleh bebas pada 2022 tanpa menyedari mahkamah menetapkan hukuman dijalan berasingan menjadikan hukuman penjara sebenarnya selesai pada 2034.

Suami Hani patah semangat apabila diberitahu keputusan itu dan mengambil masa cukup lama untuk menerangkan kepada anak-anak.

Dijatuhi hukuman penjara atas kesalahan pecah amanah di bawah Seksyen 4(1) B Akta Jenayah Komputer, Hani tidak menduga raya kali ini merupakan kali ketujuh terpaksa meraikannya di sebalik tembok penjara.

“Kalau takbir pagi raya, memang ‘banjirlah’. Bila dengar takbir memang sangat tak boleh tahan. Masa nak makan nasi himpit pun berjurai air mata.

“Kali ini raya ketujuh saya dalam penjara. Sebelum ini masa ada anak dalam penjara bila sedih kita peluk dia. Sebanyak sedikit mengurangkan sedih, rindu dengan keluarga sebab kita rasa ada anak yang teman, menghiburkan tetapi bila anak dah keluar, saya rasa kosong,” katanya.

Hani dipenjarakan sejak 2017. Ketika itu anak bongsu baru dua bulan setengah di dalam kandungan. Anaknya itu dilahirkan dan dibesarkan di dalam penjara hingga berumur tiga tahun sebelum diserahkan kepada suami.

Hukuman penjara ke atasnya juga banyak memberi kesan kepada kehidupan suami dan anak-anak di luar sana.

Tetap bersyukur

“Masa mula-mula jatuh hukum dulu, anak saya masa kelas agama, ustazah mengajar di depan dia menangis di belakang. Ustazah tanya, kenapa menangis? Dia jawab, saya sedih, saya rindu mama.

“Ustazah tanya, mama pergi mana? Dia jawab, mama masuk penjara. Lepas itu satu sekolah tahu. Dia tertekan sampai kena pergi kaunseling. Bila kawan mula sindir, suami tukarkan sekolah sebab takut dia makin murung,” katanya.

Walau juadah raya di penjara tidak sama seperti di rumah namun Hani tetap bersyukur kerana sekurang-kurangnya disediakan nasi himpit dan kuah kacang.

“Kalau takbir pagi raya, memang ‘banjirlah’. Bila dengar takbir memang sangat tak boleh tahan. Masa nak makan nasi himpit pun berjurai air mata



Pada tengah hari pula disediakan nasi ayam atau nasi minyak. Manakala pada petangnya disediakan beberapa biji biskut raya atau agar-agar.

“Biasanya keluarga, suami, anak-anak, adik beradik akan datang melawat saya pada hari raya ketiga. Saya bertuah kerana walau terpisah dengan tembok tetapi alhamdulillah keluarga masih beri sokongan,” katanya.

Manakala rutin pada bulan puasa pula, makanan sahur dihantar ke sel pada jam 12 malam. Makanan itu disimpan untuk dimakan pada jam empat pagi.

Biasanya juadah berbuka puasa nasi berlaukkan ikan goreng atau ikan rebus bersama sayur dan kurma.

Di penjara, Hani bertadarus al-Quran pada waktu siang, manakala pada sebelah malam pula bersembahyang tarawih berjemaah.

Berbaki 10 tahun lebih lagi tempoh hukuman, lulusan ekonomi perniagaan dan kesetiausahaan itu mendedahkan dia ingin memeluk suami dan anak-anaknya apabila dibebaskan kelak.

Insaf aniaya wanita

Hanya mahu dikenali sebagai Pak Long, banduan lelaki berumur 60 tahun itu sederhana merai Hari Raya Aidilfitri di Penjara Kajang.

Baginya suasana raya sedikit dirasai apabila bersembahyang sunat Aidilfitri dan ketika menikmati hidangan nasi himpit dan kuah kacang beramai-ramai.

Dia bersolat sunat Aidilfitri secara berjemaah di padang dalam kawasan penjara bersama-sama rakan banduan, pegawai penjara dan guru agama.

Selesai ibadah berkenaan, mereka bersalam bermaaf-maafan dan seterusnya menjamah juadah Hari Raya Puasa seperti nasi himpit dan kuah kacang.

Namun Pak Long tetap merasa sedih saban tahun kerana dia tidak dapat menziarah kubur arwah bapanya pada pagi satu Syawal.

"Yang sedih pagi raya itulah. Sudah siap mandi, sudah solat. Kita hendak pergi solat sunat Aidilfitri. Dibuat di padang ramai-ramai semua. Ada ustaz, tuan-tuan pegawai, kawan-kawan. Kami solat sama-sama.

"Sudah habis solat, bersalaman, peluk bermaafan dengan kawan-kawan, tuan pegawai, ustaz sebab manalah tahu dalam hati kita yang jahat ini ada mengata. Lepas itu ada makanan macam nasi himpit. Kami makan ramai-ramai," katanya.

Berasal Kampung Dato' Keramat, Kuala Lumpur, Pak Long dijatuhi hukuman 48 tahun penjara dan 24 sebatan kerana kesalahan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Ketika peringkat awal dimasukkan ke penjara, bapa sembilan anak ini agak sukar menerima realiti terpaksa merengkok di sebalik tembok dalam satu tempoh yang panjang.

"Bila kena 48 tahun, 24 sebat kita tak boleh terima. Jiwa memberontak. Maklumlah tak pernah masuk penjara, tak pernah kena tangkap. Kalau ada kesalahan pun kesalahan pandu kereta lebih had laju sahaja," katanya.

Namun lama-kelamaan Pak Long mula reda dengan menerima takdir yang menimpa dirinya. Malah dia turut memaafkan tindakan mangsa melapor jenayahnya sehingga dihukum.



Rasa lega

“Tuan (pegawai penjara) suruh saya baca apa-apa surah. Pak Long baca Fatimah kuat-kuat. Rotan satu, rotan dua, rotan tiga, macam itulah. Sedar-sedar sudah habis. Tiap-tiap malam hendak tidur, Pak Long menangis dan selalu berdoa dalam hati, Ya Allah ya Tuhanku, aku terima apa yang terjadi di dunia ini

Dia juga meluahkan rasa lega kerana berjaya melalui hukuman 24 sebatan dengan tenang.

Imbaunya, dia dapat menjalani hukuman yang menyakitkan itu dengan membaca surah al-Fatihah sekuat-kuat hatinya ketika rotan diayun deras ke punggung.

"Tuan (pegawai penjara) suruh saya baca apa-apa surah. Pak Long baca Fatimah kuat-kuat. Rotan satu, rotan dua, rotan tiga, macam itulah. Sedar-sedar sudah habis," katanya.

Sedar hukuman terhadap dirinya menyebabkan ibu bimbang, Pak Long sering memujuk orang tua supaya bersabar dan memberitahu penjara membuka pintu kepadanya untuk memperbanyakkan amal ibadah.

Di situ dia mendalami ilmu agama sehingga beberapa kali khatam al-Quran, mempelajari bacaan doa lazim dalam sembahyang, malah turut menguasai kaedah memandikan jenazah, hasil program bimbingan dalam penjara.

"Tiap-tiap malam hendak tidur, Pak Long menangis dan selalu berdoa dalam hati, Ya Allah ya Tuhanku, aku terima apa yang terjadi di dunia ini.

"Di sini dengan luar lain tetapi orang tak tahu di sebalik tembok ini boleh cari banyak ilmu (agama). Semua ada. Kalau yang tak reti mengaji, jadi boleh mengaji," katanya.

Selain mendalami ilmu agama, bekas tukang masak ini menghabiskan masa dengan bekerja di bengkel roti. Berkat kegigihan mempelajari ilmu membuat roti dan kek membolehkan dia memperolehi sijil Sistem Latihan Dual Nasional.

Kelebihan itu membolehkan Pak Long membuat kek sendiri untuk dirasai bersama rakan-rakan sebilik.

Ketika Ramadan, Pak Long beribadah sehingga lewat malam dengan solat sunat termasuk tahajud dan berdoa hukumannya dapat dikurangkan.



Enggan aibkan keluarga



*Dalam dingin subuh hatiku terusik
Kenang nasib diri di rantauan
Bergema takbir raya menitis air mata
Terbayang suasana permai desa*

Lantunan suara banduan Hazif (bukan nama sebenar) menyanyikan lagu raya Dari Jauh Ku Pohon Maaf oleh Datuk Sudirman Arshad cukup menggambarkan kerinduannya beraya bersama keluarga di kampung halaman.

Anak jati Ampang, Selangor itu dikenakan hukuman penjara 14 tahun atas kesalahan penyalahgunaan dadah mengikut Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1956.

Mula menjalani hukuman penjara sejak 2017, bapa kepada dua anak ini perlu menghabiskan baki dua tahun lagi tempoh hukuman.

Tahun ini kali kelapan bekas pembantu kesihatan hospital kerajaan ini menyambut lebaran di penjara. Ia membuatkan perasaan rindu akan suasana meriah beraya bersama anak-anak dan ibu di kampung halaman makin membara.

Namun Hazif yang berumur 36 tahun merasa terkilan berikutan tidak dapat memohon kemaafan bapanya yang meninggal dunia pada September tahun lepas.

Meski diberi kelonggaran oleh pegawai penjara untuk menatap wajah arwah bapa sebelum disemadikan, namun dia enggan ke tanah perkuburan kerana tidak mahu memalukan anggota keluarga lain.

“Pegawai di sini memang ambil berat, banyak kali tanya saya tak nak pergi ke (ziarah arwah ayah kali terakhir)? Saya yang tak nak pergi.

“Saya takut kalau saya pergi saya mengaibkan dia. Orang akan bercakap anak dia ini, anak dia itu, bila tengok saya seorang banduan.

“Terkilan itu memang ada tetapi di dalam (penjara) ini membuatkan saya belajar suatu benda. Jasad sudah memang tetap macam itu tetapi yang penting kita doakan rohnyanya,” katanya



“Nasihat saya jangan cuba-cuba dekati jenayah. Dadah ke apa, jangan sesekali cuba. Jangan ikut hati perasaan atau ikut orang sekeliling yang bawa pengaruh tidak baik

dengan nada sebak.

Anak ketiga daripada enam beradik itu berkata sebelum bapanya meninggal, dia sering berhubung melalui telefon bertanya khabar meski tujuh

tahun tidak beraya bersama kerana hukuman penjara.

Hikmah terkurung

Ingatannya juga masih segar apabila terkenangkan gelagat bapanya yang sangat teruja ketika kali pertama menyambut kepulangannya bersama bekas isteri untuk beraya di kampung.

Hazif juga menyimpan hasrat untuk menziarahi kubur bapanya apabila bebas daripada penjara kelak.

Akibat hukuman penjara juga, rumah tangga Hazif berkecai. Bagaimanapun dia tidak menyalahkan bekas isterinya dan masih menjalin hubungan baik demi anak-anaknya.

“Saya buat silap, sayalah kena tanggung hukuman ini, kenapa nak heret dia? Dia ada kehidupan dia. Tiap-tiap minggu saya selalu telefon bekas isteri untuk bercakap dengan anak-anak. Paling tak tahan bila anak tanya bila boleh balik. Anak tua darjah tiga, bongsu darjah satu.

“Anak bongsu juga lahir masa saya di dalam (penjara). Saya kena tangkap, sebulan kemudian isteri bersalin. Cuma sekali tengok masa dia baru lahir,” katanya.

Walau terkurung sepanjang masa, namun ada hikmah buat Hazif. Berbeza ketika sebelum dipenjara, kini dia tidak pernah meninggalkan puasa selain berjaya khatam al-Quran setiap tahun.

Dia juga bersyukur kerana masih mempunyai ibu, adik beradik dan kawan-kawan yang sering melawatnya sama ada ketika sambutan raya mahupun pada hari biasa.

Setiap malam Hazif memikirkan angan-angannya mahu menjaga ibu dan anak-anak apabila dibebaskan. Malah dia juga mahu meluangkan masa melepak dengan rakan-rakan yang masih menyokongnya.

Tekadnya mahu berubah dan membuktikan banduan sepertinya boleh menyumbang dan berbakti kepada masyarakat.

“Nasihat saya jangan cuba-cuba dekati jenayah. Dadah ke apa, jangan sesekali cuba. Jangan ikut hati perasaan atau ikut orang sekeliling yang bawa pengaruh tidak baik.

“Kalau boleh bawa dia ke arah kebaikan, nasihat dia tetapi kalau tak boleh tinggalkan sebab kalau dah jadi macam ini, kita tak boleh salahkan orang lain ke atas apa yang kita dah buat. Kita dah buat, kita tanggung. Diri kita, tanggungjawab kita,” katanya.



Mohd Asyraf Muhammad Yusuf, 30, dan isteri Azuren Bohari, 30, menunjukkan manisan ladu, peneram, jilebi dan halwa pada 11 April. Manisan antara juadah masyarakat India bagi merai perayaan



(kiri) memasak kari ayam sambil dibantu menantunya Azuren untuk pengunjung rumah mereka di Apartmen Seri Semarak, Bukit Beruntung, Hulu Selangor pada 11 April



Sebahagian ahli persatuan Cina Muslim MACMA menjamu selera di rumah Sofiah Abdullah (dua, kanan) di Bukit Antarabangsa, Ampang pada 13 April. Hidangan tradisi Cina kekal sebagai juadah pilihan



Memeluk Islam sejak 1980, Suzana Abdullah (kanan) menghulur duit raya kepada beberapa jiran yang bertandang ke rumahnya di Desa Melawati, Gombak pada 1 Syawal



Tetamu termasuk kaum Tionghoa beratur untuk memilih juadah termasuk sate yang dihidangkan Suzana di rumahnya pada hari raya pertama



Berpandu resipi turun-temurun daripada bapanya, nasi beriani masakan Normala disediakan untuk tetamu pada hari raya kedua di rumahnya Normala Abdullah, 55,



Rotipuri antara makanan tradisi India yang dihidang Mohd Asyraf di rumahnya di Apartmen Seri Semarak. Beliau memeluk Islam kira-kira 20 tahun lalu

Aidilfitri bukan hanya dirai masyarakat Melayu yang menjadi majoriti penganut Islam negara ini.

Umat Islam dari kaum lain termasuk Cina, India dan Orang Asli turut sama menyambut 1 Syawal pada 10 April dengan penuh ceria.

Selain menjalani ibadah puasa, mereka juga memeriahkan bulan mulia dengan mengekalkan corak kebudayaan kaum, selain menyediakan aneka hidangan termasuk makanan tradisi.

Meski meneruskan warisan kaum masing-masing, mereka juga banyak menyerap sebahagian budaya Melayu terutama penyediaan juadah dan pemakaian.

Selangorkini meninjau persiapan dan sambutan Aidilfitri masyarakat Orang Asli di Kuala Langat, keluarga India di Hulu Selangor dan keluarga Cina di Gombak.

Jurufoto AHMAD ZAKKI JILAN, HAFIZ OTHMAN dan MOHD KHAIRUL HELMI MOHD DIN merakam sebahagian kemeriahan berbuka puasa dan sambutan Aidilfitri.

Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.

Rencam lebaran



Hassan Mursalim (kiri), Zainon Abdullah (kanan) dan Lina Musa yang berpakaian tradisi Mah Meri, diperbuat daripada daun nipah, menyalaikan pelita seperti panjut dalam tradisi Melayu bagi menghidupkan suasana menjelang Aidilfitri pada malam 25 Ramadan



Sofiah (kanan) dan Jasmin Chong Abdullah menunjukkan dim sum pelbagai perisa termasuk inti ayam dan lada hitam dalam jamuan Aidilfitri yang diadakan secara tahunan sejak lima tahun lalu

Sofiah, sebagai pengerusi Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Selangor, menunjukkan koci nyonya dan ang ku. Kuih itu mirip koci biasa manakala ang ku diperbuat daripada tepung pulut dan intinya kacang



Suzana menunjukkan kuih tradisi Cina dan Melayu antaranya ang ku, talam, kuih lapis dan lontong di rumahnya di Desa Melawati, Gombak pada 10 April



Zainon (kiri) menganyam hiasan kepala Orang Asli daripada daun nipah pada 5 April, lima hari sebelum Aidilfitri. Anyaman itu dipakai pada setiap hari perayaan etnik tersebut



Cantik bertudung, kanak-kanak Orang Asli Mah Meri riang bermain bunga api selepas majlis berbuka puasa, lima hari sebelum Syawal. Pengislaman mereka hasil dakwah Jabatan Agama Islam Selangor



Rahim Sabri (kiri) memasukkan ayam perap kari dan ayam daun semomok ke dalam buluh sambil dibantu Hassan untuk jamuan berbuka puasa yang dihadiri hampir 300 orang. Mereka menganut Islam mulai 2009



Selain lemang pulut, Rahim (kanan) dan Hassan membakar ayam perap kari di dalam buluh pada minggu terakhir Ramadan. Lemang adalah makanan tradisi yang popular dalam kalangan Orang Asli dan Melayu



Teduh Syawal di pusat gelandangan

Tiada tempat tinggal, tiada hala tuju melainkan merayau-rayau mengais rezeki. Insan bergelandangan hanya mampu menagih kasih dan ihsan daripada mereka yang bersimpati.

Syawal mereka tidak sama kebanyakan umat Islam lain lantaran kekurangan merantai diri. Mujur ada yang sayang dan menumpang di pusat penempatan disediakan, antaranya Pusat Transit Gelandangan Anjung Kembara Kuala Lumpur.

Wartawan NAZLI IBRAHIM menyorot kehidupan tiga gelandangan termasuk pengalaman menyambut raya di pusat transit berkenaan pada 22 Mac. Foto oleh MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN.



Meski ala kadar, Alam (nama samaran) bertuah dapat merai Aidilfitri bersama keluarga baharu di Pusat Transit Gelandangan Anjung Kembara, Kuala Lumpur.

Pemuda asal Sabah itu merasai nikmat suasana menjelang lebaran. Dahulu, Alam menyambut hari raya sama ada di lorong-lorong atau dalam penjara.

"Di sini kawan-kawan dan penyelia sudah macam keluarga. Mereka ambil berat satu sama lain. Raya nanti kami sambut sama-sama ala kadar sahaja.

"Makan minum insya-Allah ada sumbangan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya ketika ditemui Selangorkini.

Di Anjung Kembara, pemuda berumur 37 tahun itu sering mengikuti kelas pengajian agama selain bergotong-royong membersihkan kawasan dan aktiviti lain.

Walau belum sampai sebulan menetap di Anjung Kembara, beliau diberi kepercayaan untuk melaungkan azan apabila masuk waktu solat.

Berhijrah ke semenanjung kira-kira 22 tahun lalu, anak ketiga daripada lima beradik hanya sekali pulang ke kampung halaman di Kudat pada 2009. Itulah kali terakhir dia mencium tangan ibu.

Sejak itu hubungan dengan keluarga terputus tanpa khabar berita. Malah beliau sendiri tidak mengetahui sama ada ibunya masih hidup.

Mengaku tiada perasaan rindu dengan ahli keluarga lain namun di sudut hatinya masih menyimpan hasrat ingin bertemu ibu.

"Hendak kata rindu, tak ada pula sebab masa saya kecil memang tak rasa kasih sayang keluarga. Sejak kecil macam-macam orang bela saya. Adik-beradik pun memang tak 'ngam'. Jumpa mesti gaduh.



"Masa balik 2009, itulah kali terakhir saya cium tangan emak. Masa itu emak pun sudah sakit. Sekarang tak tahu emak ada lagi atau tidak. Tekad saya sekarang kumpul duit balik Sabah, nak tengok emak," katanya.

Seawal usia 15 tahun, Alam meninggalkan Kudat dan ke Melaka kerana dijanjikan kerja di hotel bertaraf lima bintang dengan gaji lumayan melalui ejen.

Namun apabila tiba di bumi Hang Tuah itu, impiannya bertukar menjadi igauan buruk apabila diberi kerja di restoran tidak halal selain mendapat hanya sedikit baki gaji yang dipotong selain kad pengenalan dipegang ejen.

Tanpa kad pengenalan di tangan, Alam melarikan diri ke Pulau Pinang beberapa bulan kemudian.

Di Pulau Mutiara, Alam bergaul dengan orang bermasalah menyebabkannya terjerumus ke dunia jenayah sehinggalah dia membawa diri ke lorong-lorong gelap sekitar Kuala Lumpur.

"Dari Melaka saya lari ke Pulau Pinang. Kad pengenalan masih ejen pegang. Di Pulau Pinang saya selalu lepak di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), bercampur dengan kawan kaki minum, ada yang hisap ganja, 'fit' (heroin), macam-macam. Masa ini saya duduk rumah bujang dengan kawan-kawan ini.

"Masa ini saya mula rosak. Pada 2006 saya pergi Kuala Lumpur pula. Di sini saya tak kerja dan mula hidup gelandangan. Kerja saya melepak di Kompleks Kota Raya. Bercampur dengan budak-budak kaki samun, mencuri. Janji boleh beli barang," kongsinya.

Dek ketagihan, 13 kali Alam keluar masuk penjara, selain pernah dibuang daerah ke Bera, Pahang bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dan dimasukkan ke pusat pemulihan dadah di Besut, Terengganu.

Selepas berjaya menghilangkan ketagihan dadah, Alam turut meninggalkan pengambilan ketum. Tekadnya mahu mengakhiri episod hitam keluar masuk penjara.

Sebaik menamatkan tempoh buangan, beliau kembali ke Kuala Lumpur pada Disember tahun lalu dan mula menetap di Anjung Kembara sejak 21 Mac.

Kelainan Syawal

Seorang lagi gelandangan Shukhi (nama samaran) menyifatkan Syawal kali ini satu kelainan buat dirinya. Dahulu beliau sering menyambut raya seorang diri, tetapi tahun ini meraikannya dengan kawan-kawan dan penyelia di Anjung Kembara.

Berumur 53 tahun, Shukhi masih ada tiga anak yang mengambil berat terhadapnya. Selain itu, dia masih menjalin hubungan baik dengan keluarga terutama adik-beradik.

"Anak-anak semua di Kuala Lumpur. Dua orang sudah kahwin. Kadang-kadang mereka datang jenguk saya," katanya.

Baru selesai menjalani pembedahan barah tahap tiga, anak Shukhi beberapa kali mengajaknya tinggal bersama tetapi ditolak dengan baik kerana tidak mahu menyusahkan mereka.

Anak-anaknya masih menyayangi Shukhi dan



tidak keberatan untuk datang ke pusat gelandangan berkenaan setiap kali diminta.

Berasal dari Beruas, Perak, Shukhi mula terumbang-ambing selepas dipenjarakan enam bulan atas kesalahan jenayah syariah Perak kerana minum arak pada 11 tahun lalu.

Ketika itu dia bekerja sebagai penyelia tapak syarikat pembinaan yang memerlukan dia berurusan dengan pihak perunding projek.

"Di sinilah saya buat satu kesilapan. Saya ditangkap Jabatan Agama Islam Perak kerana mabuk. Saya bukanlah kaki minum tetapi sebab melayan perunding itu sahaja.

"Saya kena penjara enam bulan. Di sinilah detik hitam hidup saya bermula. Saya berpisah dengan isteri pada 2013. Pada 2014 keluarga pindah balik Kuala Lumpur, tinggalkan saya di Beruas. Saya menetap di kampung jaga ibu lumpuh sampai dia meninggal dunia pada 2016," katanya.

Selepas kematian ibu, Shukhi berpindah ke Kuala Lumpur sehelai sepinggang. Di ibu negara, dia memilih hidup bergelandangan di bawah jejambat di Sri Gombak, Batu Caves. Kebanyakan masanya dihabiskan di situ. Jika mahu membersihkan diri, dia akan ke masjid berhampiran.

Dia turut mencari sesuap nasi dengan membantu orang ramai di sekitar pasar Sri Gombak. Kadang-kadang diberi makanan atau upah duit oleh orang yang bersympati dengannya.

Merasakan hidup semakin kosong, Shukhi mula terjebak dengan penyalahgunaan dadah.

"Saya tidur di bawah jejambat, berhujan, berpanas dengan tidur banyak nyamuk sampai otak pun jadi kosong. Bila bosan, bila ada duit kadang-kadang minum, kadang-kadang ambil heroin. Tetapi saya tidak menyamun atau mencuri," katanya.

Pada Disember 2022, Shukhi memutuskan pulang ke kampung dan kembali tinggal di rumah pusaka peninggalan orang tua.

Enam bulan selepas itu Shukhi ditangkap dalam satu operasi besar-besaran memberkas penagih di kampung. Didapati positif dadah, beliau dipenjarakan tujuh bulan.

Selepas keluar penjara, Shukhi merempat pula di Ipoh sebelum ke Kuala Lumpur dan menetap di

Anjung Kembara.

"Saya masuk sini, 7 Januari baru ini. Bila masuk sini, barulah rasa masih dihargai. Kalau tidak saya rasa macam sudah tiada apa-apa. Kena anggap kawan-kawan macam saudara, saling membantu. Hubungan erat di sini. Banyak kebaikan daripada merempat di luar.

Tumpang teduh

"Sini ada kelas pengajian, fardu ain, bantuan makanan, kain baju. Mereka tak anggap kami sampah atau apa. Makan pun penyelia cedokkan ke pinggan. Sebelum ini tak rasa macam ini. Bila dapat rasa, macam satu kelainan, rasa dihargai," katanya.

Shukhi mendedahkan, sejak tinggal di Anjung Kembara dia memperoleh pekerjaan sambilan dengan kumpulan sukarelawan.

Ia membolehkan Shukhi meraih wang tunai RM70 seminggu sekali untuk membantu kerja sukarelawan termasuk mengecat masjid, sekolah agama dan membantu pesakit tibi di hospital.

Johari (nama samaran) berteduh di Anjung Kembara sejak awal Mac lalu. Ibu bapa sudah lama meninggal dunia, namun dia mempunyai ibu tiri dan sesekali membantunya berniaga di Pasar Cheras.

"Raya kali ini cuma mahu berjumpa emak tiri dan bersalaman. Kalau ada duit sikit saya akan hulu kepada emak tiri. Lepas itu sambung kerja. Saya juga bercadang singgah ke kubur ayah. Kubur emak tidak tahu di mana," katanya.

Berasal Kluang, Johor, hidup anak muda berumur 36 tahun ini terumbang-ambing apabila terjebak dengan dadah jenis syabu sebelum dipenjarakan selama empat bulan kira-kira dua tahun lepas.

Kali kedua menumpang teduh di Anjung Kembara, bekas pemandu bas itu yakin mampu mengubah hidupnya lebih baik dengan sokongan kawan-kawan.

Anak tunggal itu juga berhasrat mengumpul duit memperbaharui lesen memandu bas bagi mencari kerja sebagai pemandu.

Cerita raya takuk lama

Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR
Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Drama dan filem balik kampung, konflik orang tua, kesedihan si miskin dan kisah seram masih menjadi latar filem dan drama Aidilfitri sejak beberapa dekad lalu hingga hari ini.

Tanpa disedari, cerita diulang saban tahun menghantar mesej bahawa karya orang Melayu-Islam sempena musim perayaan sebenarnya masih pada takuk lama.

Ia menampakkan penggiat industri seni tanah air tidak berfikir di luar kotak bagi menghasilkan naskhah Aidilfitri yang unik dan malar segar.

Karya Aidilfitri tidak bermaya setiap kali perayaan mendapat teguran daripada pengarah sohor Aziz M Osman. Menyifatkan ia sebagai perangkap, karyawan harus berani keluar daripada kebiasaan menghasilkan naskhah bertema lebaran.

“Penggiat filem dan drama kita masih lagi terperangkap dalam stigma kalau berkarya untuk raya mesti cerita hantu, balik kampung atau cerita sedih sudah lama tidak jumpa emak ayah.

“Saya mengarah sejak 1986 dan sehingga 2024. Hampir 40 tahun karya tema raya di Malaysia masih menceritakan hal-hal seperti itu,” katanya ketika ditemui Selangorkini di Shah Alam pada 21 Mac.

Membandingkan filem negara Asia lain bertema perayaan seperti di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, anak pasangan penyanyi pop yeh yeh M Osman dan pelakon Afidah Es mengakui industri seni tanah air masih ketinggalan.

Keadaan itu diburukkan lagi dengan kurangnya bilangan penulis cerita atau penglipurlara yang berbakat dalam industri

perfileman dan televisyen negara.

Buktinya setiap kali Aidilfitri, akan ada saluran televisyen mengulang tayang filem atau drama raya lama, malah pada satu tahap pernah menyiarkan filem Bollywood pada awal Syawal.

Aziz pernah keluar daripada stigma itu ketika mengarahkan filem Lagi-Lagi Senario pada 2000. Dalam penceritaan filem itu, ia mengisahkan persaingan dua peniaga Melayu.

Plotnya disulam dengan paparan sifat dengki dalam watak

antagonis filem berkenaan sambil dilatari dengan suasana puasa dan lebaran.



Adun watak

“Itu percubaan saya untuk cuba lari stigma dan saya rasa itu pertarungan berbaloi. Lagi-Lagi Senario berjaya di pasaran dan menjadi antara filem komedi raya yang diingati sampai hari ini. “Tema sebenar Lagi-Lagi

Senario ialah mengenai persaingan perniagaan tetapi saya memakai latar bulan puasa dan perayaan Aidilfitri,” katanya.

Kagum dengan kebijaksanaan Allahyarham Mamat Khalid, Aziz berpandangan pengarah itu bijak mengadun gelagat watak-watak Kampung Pisang dalam drama komedi bersiri 16 Puasa dan

Kampung Pisang Muzikal Raya.

Memegang karakter Pak Jabit, Aziz melihat drama lakonannya itu bertema ringkas iaitu orang tidak berpuasa namun berupaya menarik peminat kerana Mamat Khalid sudah membentuk jalinan antara penonton dengan watak-watak berkenaan daripada karya terdahulu.

“Siri drama komedi 16 Puasa dan Kampung Pisang Bersiri-Siri istimewa kerana ia semacam sudah ada hubungan mesra antara watak-watak dalam Kampung Pisang dengan penonton.

“Orang merasakan apabila menonton watak-watak itu umpama macam berjumpa kawan lama, dan ia hanya ada bulan puasa sahaja. Itu keunikan Mamat Khalid,” katanya.

Pada Aziz, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) boleh membantu mewujudkan dana khas bagi menggalakkan untuk filem atau drama sempena perayaan bermutu tinggi dihasilkan.

Hujahnya, karya bertema perayaan merakam cara hidup dan budaya rakyat Malaysia meraikan kepercayaan masing-masing. Boleh menjadi aset warisan negara, ia menjadi rujukan banyak pihak yang mahu melihat wajah Malaysia.

Dalam pada itu, Pelakon Kanak-Kanak Terbaik Asia Pasifik 1977 turut mengingatkan penggiat seni supaya bijak menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman semasa supaya kekal relevan.

Bercerita mengenai citarasa penonton mutakhir ini, Aziz mendapati teknologi kecerdasan buatan, penggunaan media sosial seperti TikTok yang meluas, membentuk demografi penonton pelbagai.

Malah perkembangan teknologi itu menjadikan mereka lebih memilih untuk menonton karya yang dihidangkan. Ia juga melahirkan karyawan generasi baharu atau kini lebih dikenali pencipta kandungan.

Namun, beliau terkilan kerana ada segelintir pencipta kandungan media sosial sanggup menepikan nilai-nilai murni semata-mata mahu menaikkan bilangan pengikut.





Penduduk Palestin menunaikan solat sunat Aidilfitri di jalan raya berhampiran bangunan yang hampir ranap pada 10 April

Derita Syawal di Palestin

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **REUTERS**

SHAH ALAM - Belum reda kesengsaraan rakyat Palestin di Gaza yang menyambut Ramadan dan Syawal sejak diserang bertubi-tubi Israel, pada Oktober lalu, suhu geopolitik di Timur Tengah kini semakin menggelegak.

Serangan balas ratusan dron dan peluru berpandu Iran ke atas Israel pada 13 April, ketika umat Islam masih menyambut Syawal, menajamkan lagi konflik di Asia Barat.

Tindak balas itu dianggap sebagai hukuman kebiadaban Israel yang menyerang Kedutaan Iran di Damsyik, Syria pada 1 April. Serangan udara itu mengorbankan 13 orang.

Konflik yang makin tegang itu pasti meresahkan lagi warga Gaza yang menyambut hari kebesaran Islam itu di celah-celah runtuh bangunan dengan kebuluran dan krisis ubat-ubatan.

Sejak konflik Palestin-Israel meletus tujuh bulan lalu, setakat 17 April, lebih 34,300 nyawa terkorban khususnya wanita dan kanak-kanak. Lebih 76,000 individu cedera dan lebih 8,000 lagi hilang.

Pada 19 April, seminggu selepas tindak balas Iran, Israel dilaporkan menyerang tengah Iran sekitar Isfahan, selatan Tehran, yang menempatkan pangkalan tentera. Ketika ini, suasana masih belum jelas.

Malaysia menyifatkan serangan Iran minggu lalu sebagai "tindakan yang sah", malah berpuas hati jaminan negara itu untuk tidak memburukkan lagi konflik kecuali diserang semula oleh Israel.

"Bersama negara-negara bertamadun yang lain, Malaysia menggesa rejim Zionis Israel untuk tidak mengambil apa-apa lagi tindakan balas yang akan memburukkan lagi keadaan tegang di Timur Tengah.

"Terdapat tanda yang jelas bahawa masyarakat antarabangsa tidak mahu melihat keadaan yang lebih buruk lagi," kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 15 April lalu.

Iltizam Anwar yang tekak berjuang membela nasib Palestin tidak pernah padam sejak dahulu. Di pentas antarabangsa, ketegasan beliau membela Palestin sudah dikenali ramai.



Anwar dan isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama keluarga Nadir yang terpisah sejak serangan Israel pada Oktober tahun lalu.

SAMBUNG MUKA 18



Seorang wanita membakar masakan tradisi dua hari menjelang Aidilfitri di sebuah khemah Rafah, selatan Gaza pada 8 April



Sekumpulan wanita sebak ketika menziarahi pusara ahli keluarga di Rafah pada 1 Syawal (10 April). Keluarga mereka terbunuh akibat serangan Israel



Kematian remaja berusia 17 tahun Yazan Ishtayeh ditangisi keluarganya. Mangsa diserang berdekatan Nablus, utara Tebing Barat pada 15 April



Sekumpulan kanak-kanak bermain di tengah puing runtuh bangunan di Bandar Gaza pada 11 April ketika sambutan Aidilfitri

DARI MUKA 17

Beliau turut menempelak sikap bungkam pemimpin kuasa-kuasa besar dunia terhadap isu Palestin termasuk di depan Presiden Amerika Syarikat Joe Biden pada 17 November dan Canselor Jerman Olaf Scholz pada 11 Mac.

Di samping itu, Anwar yang juga menteri kewangan menegaskan Malaysia menyalurkan bantuan kemanusiaan sebanyak 100 kontena yang dijangka berlepas pada 27 April depan.

Hubungan baik Malaysia dengan Mesir memudahkan Anwar membantu menyatukan semula aktivis negara ini Muhammad Nadir Al-Nuri dengan isteri dan anak-anaknya dari Rafah sehari sebelum sambutan Aidilfitri.

Selaku ketua pegawai eksekutif Cinta Gaza Malaysia (CGM), Nadir menghargai perdana menteri yang berjaya membawa keluar keluarganya dari zon perang itu.

"Semoga kita terus bersatu membe-
nasib saudara kita, menjadi jaguh di

peringkat dunia dan berani mengiri-
ngi kata-kata dengan langkah di alam
nyata," tulis Nadir di Facebook pada 15
April.

Inisiatif Anwar turut dipuji oleh Ketua
Penerangan PAS Ahmad Fadhlil Shaari.

Sementara Duli Yang Maha Mulia Sul-
tan Selangor pula menyeru semua pi-
hak membangunkan semula Gaza yang
musnah akibat serangan Israel melalui
Tabung Pembangunan Ihsan Sela-
ngor-Gaza yang dilancar pada 28 Mac.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
menyeru sumbangan itu disalurkan
melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam
Selangor (Tijari) yang dikendalikan oleh
Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amiru-
din Shari memaklumkan, sehingga 10
April, sejumlah RM2 juta berjaya dikum-
pul tabung tersebut.

Pada 2021, Selangor menyalurkan
dana hasil derma ramai untuk bantuan
ubatan, makanan, set penjana elek-
trik, bahan bakar dan kenderaan seperi
ambulans.



Penduduk Palestin termasuk kanak-kanak mendapatkan juadah berbuka puasa percuma di Jabalia, utara Gaza pada 19 Mac

Tambah baik kendali haiwan liar, cegah denggi

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjunjung tinggi titah Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin yang mahukan penambahbaikan dalam pendekatan mengurus anjing berkeliaran di bandar raya itu.

Datuk Bandar Ir Cheremi Tarman berkata pihaknya akan memperbanyak lagi sesi pertemuan dan berbincang bersama penduduk bagi menjelaskan kaedah MBSA menguruskan anjing liar di kawasan pentadbirannya.

Beliau berkata MBSA juga akan merujuk kepada Kerajaan Negeri sama ada pekeliing mengenai tatacara penangka-

pan dan pelupusan anjing terbiar boleh diubah, khususnya menggantikan perkataan 'pelupusan' dengan perkataan yang lebih sesuai.

"Kita akan rujuk Kerajaan Negeri untuk bawa kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi diperbaiki pekeliing sedia ada, antaranya menggantikan perkataan 'pelupusan' yang maksudnya boleh memberi gambaran negatif, khususnya kepada pertubuhan bukan kerajaan dan pencinta haiwan.

"Kaedah 'pelupusan' yang diamalkan



MBSA adalah dengan menghantar haiwan tersebut ke pusat kebajikan haiwan, bukannya kaedah 'Put To Sleep' kerana hanya pegawai veterinar sahaja dibenarkan melakukan prosedur tersebut," katanya baru-baru ini.

Pada 1 April, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin menahirkan rasa dukacita dan kecewa berhubung perkembangan terbaru mengenai operasi penangkapan anjing berkeliaran di Selangor.

Dalam titah berkenaan, Baginda tidak bersetuju dengan pendekatan tangkap

dan lupus yang dilakukan mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Sementara itu, MBSA menyeru penduduk setempat supaya bersama-sama berusaha untuk mencegah penularan wabak denggi pada musim perayaan.

Pihak berkuasa tempatan itu turut berkongsi tiga langkah mudah bagi melindungi diri dan keluarga daripada gigitan nyamuk aedes.

Tiga langkah yang dikongsi dalam kenyataan pada 13 April itu adalah pastikan tiada bekas menakung air tidak ditutup rapat, elak beradadi luar rumah sekiranya berada di kawasan wabak dan sembur aerosol sejurus pulang.

Sumbangan ihsan bah

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menghantar sumbangan awal kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS).

Ketua tanggungjawab sosial dan komunikasi korporatnya berkata bantuan bencana banjir itu dihantar ke Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Binjai, Meru pada 19 April.

"Baru-baru ini kita telah luluskan peruntukan RM10,000 bagi bantuan keperluan asas di SK Merbau Sempak dan Dewan MPKS Desa Coalfields, Sungai Buloh.

"Kini MBI telah berikan bantuan tambahan kepada mangsa banjir di SK Sungai Binjai, Meru. Selain itu, 500 pek

makanan dan 20 kanton air mineral juga dihantar ke pejabat Dewan Undangan Negeri Meru untuk diagihkan," kata Ahmad Azri Zainal Nor.

Beliau berkata MBI akan mempertimbang pemberian sumbangan ihsan tunai kepada mangsa banjir selain bantuan keperluan asas.

Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri memaklumkan seramai 259 mangsa melibatkan 69 keluarga masih ditempatkan di dua PPS setakat jam 8 pagi pada 19 April.

PPS yang masih aktif di SK Merbau Sempak dan SK Sungai Binjai, Meru manakala PPS Dewan MPKS Coalfields ditutup pada 18 April.

MBPJ tawar rebat cukai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menawarkan skim rebat cukai taksiran sehingga 100 peratus kepada pemilik kediaman yang mengamalkan gaya hidup mesra alam dan mampan.

Menurut poster pihak berkuasa tempatan tersebut pada 17 April, borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang MBPJ sehingga 24 Jun atau hubungi urus setia 03-7954 1440.

Pusat urus kereta usang

SHAH ALAM - Pemilik kenderaan usang dan terbiar dipelawa menghantar aset mereka ke pusat sehenti kereta terbiar yang disediakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Menurut pihak berkuasa tempatan tersebut, inisiatif berkenaan bertujuan memudahkan orang awam menguruskan kenderaan yang tidak digunakan lagi.

"Ia turut membantu orang awam melupuskan kenderaan mereka yang terbiar dan tidak digunakan secara sukarela berdasarkan garis panduan dan perundangan.

"Perkhidmatan yang disediakan juga percuma tetapi pemilik perlu mematuhi beberapa syarat yang ditetapkan MPAJ,"

"Kriteria yang dinilai adalah pemilik rumah mengamalkan kitar semula sisa sampah, tenaga solar, penggunaan kereta elektrik, penyimpanan air hujan dan sistem biodiversiti," kata kenyataan.

Borang permohonan boleh dihantar menerusi serahan tangan atau email ke rebatcukai@mbpj.gov.my atau menerusi pos ke alamat MBPJ," kata kenyataan di Facebook.

menurut kenyataan di Facebook baru-baru ini.

Syarat tersebut antara pemohon antaranya pemilik sah, kenderaan bebas hutang, tidak disenarai hitam dan bebas rekod jenayah.

Warga Ampang Jaya yang berminat boleh memohon melalui pautan intranet.mpaj.gov.my/spmkm, hubungi 03-4285 7024 atau e-mel ke penguatkuasa@mpaj.gov.my

Pemohon juga boleh ke Menara MPAJ atau Depoh MPAJ Taman Putra Sulaiman atau Depoh MPAJ Taman Melawati. Hubungi Jabatan Penguatkuasa MPAJ melalui talian 03-42857024 untuk pertanyaan.



PERMODALAN
NEGERI SELANGOR BERHAD
199001014678 (206347-V)

KENYATAAN TENDER MELALUI KAEDAH REQUEST FOR PROPOSAL ("RFP")

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD ("PNSB") INGIN MEMPELAWA MANA-MANA PIHAK (SYARIKAT/PERBADANAN/KONSORTIUM) YANG LAYAK SERTA BERKEMAMPUAN DAN BERPENGALAMAN UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN PEMBANGUNAN BERSAMA (JOINT VENTURE) DI ATAS SEBIDANG TANAH INDUSTRI BERKELUASAN 95.60 EKAR, DIKENALPASTI SEBAGAI LOT 2164 PN 31844, BANDAR BARU SALAK TINGGI, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN



1. Terma dan syarat bagi RFP ini diperincikan di dalam dokumen RFP (RFP Package) dan boleh diperolehi pada harga Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sahaja mulai Jumaat, **5 April 2024**.
2. Pembayaran untuk RFP Package tersebut hendaklah dibuat secara atas talian (tidak dikembalikan) kepada PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD.
3. Sila hubungi Zainurin Rusly di 016-280 2081 atau di alamat emel berikut: rfp_bbst2@pnsb.com.my untuk maklumat akaun pembayaran, bukti bayaran dan juga penghantaran RFP Package.
4. Pihak yang berminat adalah digalakkan untuk menyertai lawatan tapak dan taklimat RFP yang akan diadakan pada hari **Selasa, 23 April 2024, pukul 10.30 pagi** bertempat di lokasi tanah tersebut.
5. Tarikh Tutup bagi RFP ini adalah pada hari **Khamis, 27 Jun 2024; sebelum pukul 12.00 tengahari**.
6. Dokumen cadangan pembangunan yang telah lengkap mengikut terma dan syarat RFP ini hendaklah di bawa dan dimasukkan ke dalam kotak tender di pejabat PNSB di alamat: PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI, No. 11, Jalan Judo 13/45, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
7. Dokumen yang dihantar selepas Tarikh Tutup di atas tidak akan diterima. PNSB berhak menolak sebarang cadangan RFP tanpa mengemukakan sebarang sebab.
8. Sila ke pautan berikut untuk melihat pelan lokasi tanah tersebut melalui aplikasi Google Map: https://bit.ly/PNSB_Salak_Tinggi

Belanja RM600,000 untuk anak yatim

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyediakan peruntukan sebanyak RM600,000 bagi memastikan kebajikan seramai 11,386 anak yatim seluruh negeri pada tahun ini.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof memberitahu dana itu disalurkan menerusi Baitulmal Mais kepada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), anak syarikat Mais yang menyelia hal ehwal kebajikan.

"Sebagai sebuah agensi Islam yang bertanggungjawab menyantuni anak yatim, Mais berharap bantuan yang disumbang dapat dimanfaatkan pengurusan rumah anak yatim berdaftar bawah YIDE," kata beliau lagi baru-baru ini.

5,275 pek makanan buat keluarga susah

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mempelawa orang ramai untuk terus menghulur sumbangan kepada bantuan bakul makanan Box of Hope.

Air Selangor memaklumkan sebanyak 5,275 kotak makanan asas diagih kepada keluarga berpendapatan rendah sejak program tersebut dilancar pada 2020.

"Setiap sumbangan yang anda berikan amat bermakna kepada mereka yang memerlukan," kata kenyataan di Facebook pada 13 April.

Inisiatif Box of Hope dilancar untuk membantu kelompok kurang berkemampuan sekitar Lembah Klang.

Lantik amil bertauliah elak seleweng

SHAH ALAM - Proses kutipan zakat kendalian amil berdaftar bawah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) sentiasa dipantau bagi mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan, kata pengerusinya.

Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata Lembaga Zakat Selangor (LZS)

tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mencemar nama baik agensi atau amil.

Katanya, individu yang memungut zakat atau fitrah tanpa dilantik sebagai amil atau diberi kuasa oleh Mais melakukan kesalahan bawah Seksyen

37 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," kata beliau dalam kenyataan baru-baru ini.

Suntik semangat teruskan khidmat

247 tenaga pengajar Jais naik pangkat

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Seramai 247 guru kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menerima kenaikan pangkat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN).

Menurut Jais di Facebook, kenaikan berkenaan melibatkan guru yang berada pada gred DG29 (11 orang), DG32 (82 orang), DG34 (90 orang) dan DG38 (64 orang).

"Majlis penuh bersejarah ini menyaksikan 247 guru Jais kumpulan

pertama mendapat kelulusan kenaikan pangkat ke gred DG42 daripada SPN," kata kenyataan merujuk program pada 3 April.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad pula mengingatkan guru supaya mereka mengubah cara berfikir dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selari kenaikan pangkat.

Katanya, guru perlu berkhidmat sebagai mukmin yang mengharap pahala Allah SWT, bukan semata-mata tertumpu kepada konsep upah sehalu sekali gus boleh menjejaskan nilai keikhlasan.

Dalam majlis tersebut, beliau menyerahkan kitab tafsir al-Quran sumbangan Tabung Infaq dan Jariah Umat Islam Selangor (Tijari) bernilai RM68,769 untuk semua sekolah agama negeri.

Pada 13 April tahun lalu, Dato' Menteri Besar mengumumkan akan melaksana pelarasan semula gaji membabitkan guru di sekolah rendah agama dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu bagi memastikan guru agama tidak lagi terbeban dengan kenaikan gaji dan pangkat yang agak lama berbanding guru di Kementerian Pendidikan.



Menteri Besar Selangor (Incorporated) ("MBI Selangor") was established in 1994 to administer assets and investments of the state government and to represent the state in economic and business activities that are beyond the state government's jurisdictions. MBI Selangor also plays a role towards promoting and supporting the Selangor state government's development efforts as well as to carry out social responsibility obligations for the public.

The Rancangan Selangor Pertama ("RS-1") which was launched in July 2022, identified 4 strategic themes: (i) strengthening the economy, (ii) enhancing social inclusivity and wellbeing, (iii) advancing sustainability, (iv) smart and effective governance. MBI Selangor is responsible for spearheading and rolling out projects and initiatives that fall under the economic thrust. The economic strengthening thrust is underpinned by 2 main strategies with 9 focus sectors and 3 geographical-based development, of which aerospace is one of the focus.

TENDER NOTICE

MBI Selangor intends to invite experienced, qualified, and registered companies to participate in the following Request for Quotation:

Tender Title	Qualification Documents	Qualification Closing Date/Time	Briefing Session
01/2024 REQUEST FOR QUOTATION 01/2024 FOR THE APPOINTMENT OF A CONSULTANT FOR AN AEROSPACE AND AVIATION BASED DEVELOPMENT PROJECT	<p>For companies registered in Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Certified true copy of the company's registration document with the Companies Commission of Malaysia; OR <p>For companies registered out of Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Letter from the respective embassy or a declaration endorsed by a notary public/commissioner of oath confirming that it is a bona fide company; <p>AND all of the following:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Company profile and description; ■ Evidence of the company's previous work on development of strategic plans and/or the development of aerospace and/or aviation based industrial park masterplans; ■ Evidence of the company's previous work in providing consultancy type service for government clients in related studies. 	<p>Deadline to submit Qualification Documents:</p> <p>26 April 2024, Friday, 12.00 noon</p>	<p>Briefing session for shortlisted tenderers is tentatively scheduled on 9 May 2024</p>

1. Only companies who qualify will be invited to participate in the tender process. Due submission of qualification documents does not guarantee an invitation to participate in the tender process.
2. Companies may also view this advertisement via www.mbiselangor.com
3. Submissions and queries are to be emailed directly to tender.sap@mbiselangor.com.my.

Dua anak Selangor ke Harvard

SHAH ALAM - Dua anak Selangor antara empat pelajar Malaysia yang terpilih melanjutkan pengajian ke Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Mereka ialah Victor Ngow dan Thamini Vijeyasingam manakala dua lagi pelajar dari Johor iaitu Elisa See dan Bryan Lim (Kuala Lumpur), lapor The Star baru baru ini.

Mereka antara 1,937 pelajar dari 94 negara seluruh dunia yang diterima masuk ke universiti terkemuka dunia itu. Universiti tersebut menerima 54,008 permohonan tahun ini.

Victor adalah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Utama manakala Thamini menamatkan pengajian menengahnya di Sekolah Antarabangsa ELC, Sungai Buloh.

Pemegang biasiswa Petronas itu mengambil jurusan sains alam sekitar dan polisi awam atau kejuruteraan alam sekitar manakala Thamini bercadang belajar bidang ekonomi dan falsafah.

Semua pelajar dijangka menamatkan pengajian di Universiti Harvard pada 2028.

Menurut penemu duga Alumni Harvard College untuk Malaysia Wan Nadiyah Wan Mohd Abdullah Yaakob, universiti itu mencari pelajar yang mempamer kesungguhan terhadap minat mereka.

"Setiap tahun, kami mendengar dan mempelajari bagaimana anak muda Malaysia yang berbakat ini telah menyumbang kepada masyarakat dengan cara mereka sendiri," katanya.



SEMANGAT... Aksi pemain Selangor FC (tengah) dalam perlawanan pramusim bertemu Negeri Sembilan FC di Shah Alam pada 17 April. Red Giants menang 1-0 menerusi jaringan Alvin Fortes. Foto Facebook Selangor FC

Skuad negara buat persiapan rapi

Zii Jia sertai skuad Piala Thomas

SHAH ALAM - Pemain profesional negara Lee Zii Jia diumumkan beraksi dalam skuad kebangsaan menghadapi Piala Thomas 2024 di Chengdu, China.

Menurut Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Leong Jun Hao, Cheam Jun Wei dan Justin Hoh turut tersenarai dalam perseorangan lelaki manakala Aaron Chia-Soh Wooi Yik mengetahui kem beregu yang turut dibarisi Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani serta Muhammad Haikal Nazri.

"Bagi Piala Uber, BAM menyenaraikan pemain wanita berpengalaman Goh Jin Wei dan K Letshanaa. Turut ber-

sama dalam pasukan Siti Nurshuhaini Azman, Wong Ling Ching, Siti Zulaikha Azmi, Teoh Mei Xing, Goh Pei Kee, Tan Zhing Yi, Ho Le Ee dan Chan Wen Tse," katanya dalam kenyataan pada 12 April.

Sementara itu, pengarah kejurulatihan BAM berkata pemilihan pemain berdasarkan pemantauan rapi sepanjang sesi latihan dalam tempoh beberapa bulan dan perbincangan menyeluruh bersama barisan kejurulatihan.

Menurut Rexy Mainaky, beliau yakin kesemua pemain yang terpilih bersemangat untuk bersaing dan sudah pasti

akan memberikan yang terbaik dalam kejohanan bermula 27 April hingga 5 Mei ini.

"Beberapa pemain muda dalam skuad Piala Thomas dan Uber berazam membuktikan keupayaan mereka dan tekad memberikan persembahan yang mantap," katanya.

Malaysia yang diletak selaku pilihan kelima kejohanan diundi dalam kumpulan D bersama juara 2016 Denmark, Hong Kong dan Algeria.

Dalam saingan Piala Uber 2024, Malaysia diundi dalam kumpulan B bersama Thailand, Taiwan dan Australia.

ma import menyesuaikan diri dengan sesi latihan pada malam hari sepanjang Ramadan.

"Sangat penting untuk kelab kami menyediakan segala informasi kepada pemain dibantu oleh pegawai-pegawai pasukan," katanya seperti dilapor Bernama pada 17 April.

Pengendali berusia 44 tahun itu berkata normal untuk mana-mana pemain import bersama keluarga yang pertama kali ke Malaysia mengambil sedikit masa menyesuaikan diri sewaktu Ramadan.

Bersama lonjak prestasi Red Giants

SHAH ALAM - Pengendali baharu Selangor FC Nidzam Jamil memandang tinggi peranan setiap individu yang terlibat bersama barisan kejurulatihan skuad Gergasi Merah.

Nidzam yang merupakan pengendali sementara naib juara Liga Super 2023 itu sebelum dilantik secara tetap pada bulan ini, mengakui bertuah kerana setiap individu di Selangor menjalankan tugas dengan amat baik dan memiliki pengalaman luas dalam kancah saingan domestik.

Menurutnya, perkara itu melancarkan fasa persediaan pasukan bimbingannya pada pramusim ini termasuk perlu mengendalikan sesi latihan malam sewaktu Ramadan, menjelang saingan Liga Super 2024/2025 yang dijadual bermula Mei.

"Kami bukan saja ada pakar pemakanan yang memainkan peranan besar untuk mengelakkan prestasi tidak menentu dalam bulan Ramadan, kami juga ada pegawai sosial pemain yang bantu pemain-pemain baharu teruta-

Tiga atlet basikal bakal ke Olimpik

SHAH ALAM - Tiga atlet berbasikal trek negara diketuai Datuk Mohd Azizulhasni Awang secara tidak rasmi layak ke Sukan Olimpik Paris dalam acara sprint dan keirin, Julai ini.

Perkara itu disahkan Setiausaha Agung Persekutuan Berbasikal Asean (ACF) Datuk Amarjit Singh Gill yang turut memaklumkan dua lagi pelumba ialah Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Nurul Izzah Izzati Mohd Asri.

"Pada 22 April, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa akan hantar senarai rasmi kepada semua Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan, itu yang rasmi, tapi kita juga boleh tahu berdasarkan mata, hanya perlu tunggu keputusan rasmi," katanya seperti dilapor Bernama pada 15 April.

Sze Fei-Nur Izzuddin baiki kedudukan

SHAH ALAM - Beregu negara Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani menduduki tempat ke-15 selepas mara ke akhir Kejohanan Badminton Asia (BAC) di Ningbo, China pada 14 April.

Menerusi kemas kini terbaharu Persekutuan Badminton Dunia (BWF) pasangan itu melonjak empat anak tangga walaupun tewas kepada Liang Wei Keng-Wang Chang dalam pertarungan selama sejam empat minit.

Sze Fei-Nur Izzuddin sebelum ini berpisah pada November 2022 sebelum bergandingan semula pada Mei tahun lalu dan tersenarai dalam skuad Piala Thomas di Chengdu, China bermula 27 April sehingga 5 Mei.

Perseorangan profesional lelaki negara Lee Zii Jia kembali berada pada kedudukan 10 terbaik dunia selepas menduduki ranking ke-11 sebelum ini.

Skuad wanita guna pemain naturalisasi

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) tidak menolak kemungkinan untuk memperkenalkan pemain naturalisasi bagi memperkasa pasukan wanita negara.

Pengerusi Jawatankuasa Bolasepak Wanita FAM Datuk Suraya Yaacob percaya langkah memburu pemain naturalisasi serta pemain warisan mampu dilaksanakan walaupun bukan mudah.

"Kita sedang mencari, tetapi belum jumpa (pemain yang bersesuaian). Malah, kita tiada pencari bakat yang pakar untuk (pemain) wanita dan ia tidak mudah, bukan macam mencari (pemain) lelaki.

"Saya seru andai sesiapa yang ada pencari bakat untuk cari pemain wanita yang kita boleh naturalisasikan, boleh ke depan dan kita akan usulkan kepada Setiausaha Agung FAM (Datuk Noor Azman Rahman)," katanya seperti dilapor Harian Metro pada 18 April.



BORHAN AMAN SHAH
Tanjong Sepat

menyampaikan cek sumbangan kepada persatuan dan individu di pusat khidmat masyarakat DUN beliau



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menziarahi penduduk yang menerima cahaya mata ketika Aidilfitri di Sungai Air Tawar, Sabak BERNAM



DR FAHMI NGAH
Seri Setia

meninjau kawasan banjir kilat akibat longkang tersumbat di Desa Mentari, Subang Jaya



MARIAM ABDUL RASHID
Meru

melawat mangsa banjir kilat di Persiaran Hamzah Alang, Klang



WONG SIEW KI
Seri Kembangan

bersama penerima baucar Jom Shopping sempena Aidilfitri di Giant Seri Kembangan, Subang Jaya



ABBAS AZMI
Seri Serdang

melawat sekolah yang terjejas banjir di KAFA at-Thaqafah Batu 14 Puchong, Subang Jaya



ONG CHUN WEI
Balakong

meninjau kerja turapan yang siap di sepanjang Jalan Balakong, Kajang



PUA PEI LING
Bukit Lanjan

melawat Pasar Moden Taman Ehsan, Selangor ketika gangguan bekalan air

Beri RM45,000 agih bakul makanan

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandan Indah memperuntuk sumbangan bakul makanan sempena sambutan Aidilfitri bernilai RM45,000 baru-baru ini.

Wakil rakyatnya Ir Izham Hashim menjelaskan dana tersebut khusus kepada penduduk yang tidak mendapat baucar Jom Shopping berikutan kemu-



dahan berkenaan terhadap kepada 750 penerima.

"Kita sedia RM45,000 untuk inisiatif khas ini dan tidak menetapkan bilangan penerima. Pemohon yang layak kita luluskan serta-merta, siapa cepat dia dapat," katanya.

Sebelum ini, beliau yang juga EXCO negeri memberitahu inisiatif berkenaan diadakan pihaknya berikutan agihan baucar Jom Shopping

bernilai RM200 terhadap tidak mencukupi.

Beliau menambah lebih ramai penduduk khususnya golongan berpendapatan rendah dapat dibantu dalam membuat persiapan perayaan menerusi inisiatif tersebut.

Tahun ini, Kerajaan Negeri menyediakan 37,550 baucar sempena perayaan Aidilfitri melibatkan peruntukan RM7.510 juta untuk diagih kepada golongan memerlukan.

Tangani kesesakan di Lembah Klang

20,000 manfaat khidmat van transit

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Seramai 19,918 penumpang menggunakan perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) Mobiliti Selangor membabitkan lapan zon setakat 31 Mac, kata EXCO Mobiliti Ng Sze Han.

Beliau memberitahu kira-kira 40 peratus pengguna memilih pergi dan balik dari lebih 30 stesen kereta api termasuk Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa (MRT).

"Ini menggambarkan usaha mewujudkan perkhidmatan DRT untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berada di landasan betul.

"Ia juga menepati hasrat Kerajaan Selangor bagi menjadikan pengangkutan awam mod pengangkutan utama bawah agenda Mobiliti Selangor," katanya baru-baru ini.

Sejak diperkenalkan pada 30 November tahun lalu, DRT beroperasi di Puchong, Subang Jaya, Ampang, Petaling Jaya



utara serta selatan, Hulu Kelang, Sungai Buloh dan Universiti Putra Malaysia.

Sze Han menjelaskan Kerajaan Negeri juga mahu memperluas sistem DRT di zon pengangkutan awam utama sekali gus membantu mengurangkan kadar kesesakan trafik di Lembah Klang.

"Pengguna boleh mendaftar dan menggunakan perkhidmatan tersebut dengan melayari laman sesawang dua syarikat operator yang dilantik iaitu Mobi dan Trekrades," katanya.

Dana baik pulih 41 masjid, surau

SHAH ALAM - Wakil rakyat Dewan Undangan Negeri Kota Kemuning menyediakan peruntukan RM46,500 bagi memastikan kerja membaik pulih 41 masjid dan surau berjalan lancar.

S Preakas memberitahu sumbangan itu bertujuan menyediakan keperluan asas termasuk penjagaan dan pembelian barang selain mengadakan program keagamaan untuk masyarakat Islam di situ.



"Ramadan mengajar kita untuk menghargai nikmat dan memperluas kasih sayang. Oleh itu, kita dapat berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata pihaknya sentiasa memberi sokongan kepada institusi berkenaan yang berperanan menyuburkan nilai keagamaan dan kemanusiaan dalam kalangan segenap

lapisan masyarakat.

"Saya juga mengajak masyarakat untuk teruskan semangat kebersamaan antara semua penduduk untuk memperkukuh ikatan kebersamaan dan keharmonian penduduk sekitar Kota Kemuning.

"Sumbangan ini diharap dapat memberi manfaat besar kepada masyarakat tempatan dan memperkukuh institusi keagamaan sebagai pusat kegiatan sosial dan keagamaan yang dinamik," katanya.

Kursus pendidikan bantu pengasuh

SHAH ALAM - Program Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK) yang diperkenalkan Kerajaan Selangor meningkatkan pengetahuan golongan pengasuh dalam aspek penjagaan anak.

Ahli Dewan Negeri Batu Tiga Darnial Al Rashid Haron berkata kebanyakan pengasuh di rumah memiliki pengalamannya luas tetapi mereka kekurangan pengetahuan dari aspek

keselamatan.

"Dengan adanya kursus IMPAK, kita yakin ia sedikit sebanyak dapat membantu pengasuh di rumah untuk lebih cakna berhubung perkara seperti keselamatan dan kebersihan," katanya baru-baru ini.

Beliau yang juga pengerusi Majlis



Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) Selangor berharap peserta IMPAK dapat memberi komitmen sebaik-baiknya sepanjang pengajaran kursus berkenaan.

"Kita juga berharap pengasuh di rumah dapat memberi maklum balas berhubung penjagaan kanak-kanak yang mungkin pihak kami terlepas pandang dan boleh ditambah baik," katanya lagi.

Peruntuk RM80,000 sumbangan Aidilfitri

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri Sentosa menyediakan peruntukan kira-kira RM80,000 untuk golongan berpendapatan rendah sempena perayaan Aidilfitri tahun ini.

Wakil rakyat Dr G Gunaraj menjelaskan bantuan yang dihulur antaranya kelengkapan raya, bahan keperluan asas kepada kelompok berkenaan selain menyediakan duit raya untuk asnaf.

"Semoga sumbangan yang dihulur sedikit sebanyak memberi keceriaan kepada mereka dalam menyambut hari raya yang bakal menjelang tiba selain meringankan beban mereka.

"Sebagai wakil rakyat, saya sentiasa berusaha memastikan mereka yang kurang bernasib baik dibantu terutama menjelang musim perayaan," kata beliau lagi.

Kumpul 1,000 pakaian sambut raya

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Kampung Tunku mengadakan inisiatif mengumpul lebih 1,000 pakaian terpakai melalui program BundleRaya.

Wakil rakyatnya Lim Yi Wei memberitahu program yang diadakan untuk tahun ketiga itu terus mendapat sambutan, malah beberapa syarikat turut menyumbang baju baharu kepada penduduk.

"Kita adakan program kumpul pakaian ini selama satu minggu mulai 20 Mac dan lebih 1,000 helai baju baharu dan pakaian terpakai (preloved) yang masih elok dapat dikumpul.

"Semua baju ini kita agihkan kepada penduduk Flat Sri Aman berikutan ramai penduduknya berpendapatan rendah," kata beliau baru-baru ini.

Sedia RM39,000 untuk pusat ibadah

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Lanjan menyediakan dana sebanyak RM39,000 untuk menyediakan sumbangan kepada masjid dan surau setempat.

Wakil rakyatnya Pua Pei Ling berkata sumbangan itu bertujuan memudahkan pengurusan rumah ibadat melaksanakan pelbagai program sempena sambutan Ramadan dan Syawal.

"Sebanyak tujuh masjid dan dua surau solat Jumaat menerima RM2,000 manakala 23 surau lagi menerima RM1,000. Kita berharap sumbangan ini meringankan beban mereka.

"Kita masih menerima permohonan mana-mana masjid dan surau jika mahukan bantuan tambahan.

Kita akan teliti daripada semasa ke semasa jika ada keperluan," katanya baru-baru ini.

Rewang Komuniti Aidilfitri mulai Mei

SHAH ALAM - Program gotong-royong Rewang Komuniti Strata Aidilfitri yang menyediakan pelbagai juadah kembali diadakan tahun ini dengan penganjuran sulung di Selayang, Gombak mulai Mei.

EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah memberitahu masyarakat setempat akan memasak juadah raya antaranya lemang, ketupat dan rendang dalam acara berkegiatan secara bersama-sama.

"Program bermula dari pagi dan majlis jamuan berlangsung malam. Kita jangka kehadiran ramai dan mendapat sambutan menggalakkan," kata beliau pada 14 April.

Tahun lalu, program Jom Rewang Sekampung Aidilfitri diperkenalkan dengan Ampang dan Hulu Langat dipilih sebagai daerah perintis.

Petrol percuma dekati masyarakat

SHAH ALAM - Seramai 300 penunggang motosikal terima minyak petrol percuma anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Stesen Minyak Petronas Seksyen 7, di sini.

Datuk Bandarnya Ir Cheremi Tarman berkata rata-rata penerima terdiri daripada penghantar makanan, penjawat awam, pekerja industri dan pelajar.

"Inisiatif ini komitmen MBSA untuk membantu masyarakat dalam kawasan Shah Alam selain merapatkan hubungan dengan masyarakat.

"Kita berharap dengan melaksanakan program kebajikan terhadap komuniti ia sekali gus dapat meningkatkan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan warga Shah Alam," katanya baru-baru ini.

RM10,000 hadiah fotografi MBSA

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang memenangi hadiah wang tunai keseluruhan RM10,000 dalam Pertandingan Fotografi Shah Alam 2024 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pertandingan bertema mercu tanda, alam semula jadi, gaya hidup dan panorama malam di sekitar bandar raya berkenaan berlangsung antara 25 Mac hingga 31 Ogos.

"Jom ramai-ramai sertai pertandingan ini untuk merebut hadiah wang tunai," kata kenyataan pihak berkuasa tempatan itu di Facebook pada 14 April.

Hadiah yang ditawarkan bagi kategori awam adalah RM2,000 untuk johan diikuti naib johan (RM1,500), tempat ketiga (RM1,000) dan sagu hati (RM200 untuk lima pemenang).



CERIA... Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra bersama para tetamu ketika menghadiri Jamuan Hari Raya dan Solat Jumaat Bersama Perdana Menteri di Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor pada 12 April. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Bersama bangunkan Palestin

Tabung Gaza kutip lebih RM2 juta

SHAH ALAM - Lebih RM2 juta dikutip untuk Tabung Pembangunan Ehsan Selangor-Gaza, sebuah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membangunkan semula wilayah Gaza di Palestin.

Menurut Dato' Menteri Besar, kutipan RM8.7 juta disasar untuk membangunkan beberapa projek antaranya Apartment Darul Ehsan, Masjid Darul Ehsan dan Menara Tangki Air Darul Ehsan.

Melalui rakaman di Facebook pada 10 April, Dato' Seri Amirudin Shari kagum

atas sikap pemurah orang ramai dalam menyokong inisiatif bagi membangunkan semula wilayah itu, lapor Bernama.

"Semoga semangat keinsanan dan kemanusiaan yang tinggi ini terus mekar dalam diri kita dan tidak terhad di dalam negeri dan lokaliti kita ataupun orang yang kita kenali," katanya lagi.

Beliau juga berharap Ramadan lalu memberi kesan terhadap jiwa dan perilaku setiap individu sekali gus diterjemah ke dalam kehidupan seharian.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan melancarkan tabung berkenaan dalam majlis berbuka puasa di Masjid Kota Kemuning di sini pada 28 Mac.

Baginda juga berkenan menerima sumbangan dana RM1.2 juta, Majlis Agama Islam Selangor (RM200,000) dan sumbangan peribadi Amirudin (RM50,000) untuk disalurkan ke tabung tersebut.

Pengajian kitab turath 24, 26 April

SHAH ALAM - Program Siri Talaqqi Kitab Turath Islami sempena penterjemahan kitab Ihya Ulumuddin karangan Hujjatul Islam Imam al-Ghazali diteruskan pada 24 dan 26 April.

Tokoh ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni dijadual mengupas kitab Ihya Ulumuddin dan Mawaqif al-Marjan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Pengarah Eksekutif Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) Farhan Affandi memberitahu acara itu lanjutan program

Festival Turath Islami Selangor yang mendapat sambutan ramai tahun lalu.

Justeru, beliau berkata IBDE dan Akademi Pemikiran Turath bersama Pejabat Menteri Besar Selangor dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menganjur program susulan tersebut.

"Sebagai pembukaan, kami membawakan kembali murabbi terkemuka tanah Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni bagi mengupas karya terkenal Imam al-Ghazali," katanya pada 16 April.

Farhan menambah program pada 24

April diadakan dalam dua sesi iaitu kuliah dhuha (9.30 pagi - 12 tengah hari) dan kuliah Isyak antara jam 9 hingga 11 malam.

Beliau menambah kuliah dhuha juga diadakan pada 26 April antara jam 9.30 pagi hingga 12 tengah hari dengan jangkakan 200 hingga 300 jemaah hadir pada setiap sesi.

"Yang menarik, program kali ini kita menyiapkan dua jilid terjemahan Ihya Ulumuddin yang sudah berada di pasaran sejak November lalu," kata beliau lagi.